

**KEBERKESANAN PENGAGIHAN ZAKAT TERHADAP
ASNAF: KAJIAN KUMPULAN USAHAWAN ASNAF
ZAKAT NEGERI PULAU PINANG**

MARDIATUL AKMALIAH BT MOHD ASRI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011

**KEBERKESANAN PENGAGIHAN ZAKAT TERHADAP
ASNAF: KAJIAN KUMPULAN USAHAWAN ASNAF
ZAKAT NEGERI PULAU PINANG**

Tesis ini dikemukakan kepada Kolej Perniagaan bagi
memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Sains
(Pengurusan), Universiti Utara Malaysia

Disediakan Oleh:

Mardiatul Akmaliah Binti Mohd Asri

Mardiatul Akmaliah Binti Mohd Asri, 2011. Hakcipta Terpelihara

PENYELIDIK

MARDIATUL AKMALIAH BT MOHD ASRI

.....

Tandatangan

KEBENARAN MENGGUNAKAN TESIS

Tesis ini dikemukakan bagi sebahagian keperluan program Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia. Dengan ini, saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan mempamerkan laporan ini sebagai rujukan umum. Saya juga bersetuju membenarkan mana-mana pihak membuat salinan sama ada sebahagian atau keseluruhan tesis ini bagi tujuan akademik dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Penyelia Tesis ataupun melalui Dekan Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Sebarang bentuk cetakan atau salinan bagi tujuan komersial adalah dilarang tanpa merujuk kepada penyelidik.

Kebenaran perlu diperolehi terlebih dahulu untuk menyalin atau mengemukakan sama ada sebahagian atau keseluruhan isi kandungan tesis ini iaitu yang beralamat kepada:

Dekan,
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

KEBERKESANAN PENGAGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF: KAJIAN KUMPULAN USAHAWAN ASNAF ZAKAT NEGERI PULAU PINANG

Zakat merupakan elemen yang penting dalam masyarakat, kerana dengan zakatlah masalah sosial dapat diselesaikan. Pensyariatkan zakat mempunyai hikmah yang tersirat yang kadang-kadang sukar untuk difahami oleh manusia yang lemah seperti kita. Namun hikmah yang tersurat telah dapat kita lihat dan merasainya kerana Allah s.w.t tidak melakukan atau memerintahkan sesuatu yang sia-sia kepada hambaNya. Isu keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf merupakan bukan isu baru malah isu ini sering dibangkitkan oleh masyarakat sejak dulu lagi. Isu ini menjadi lebih hangat apabila masyarakat mendapati kutipan zakat semakin meningkat pada setiap tahun, namun kesan daripada pengagihan zakat hampir tidak dapat dilihat kesannya di negara kita Malaysia. Kajian ini hanya memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan dengan keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf di Negeri Pulau Pinang sahaja dan tidak melibatkan lain-lain negeri di Malaysia. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti elemen yang boleh mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf, untuk mengkaji faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kegagalan pengagihan zakat terhadap asnaf dan untuk mengkaji dan mengenalpasti cara-cara untuk menjadikan pengagihan zakat terhadap asnaf lebih berkesan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif data yang mana pengumpulan data kajian diperolehi melalui soalan kaji selidik. Dapatan kajian menunjukkan secara umumnya pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang adalah berkesan. Namun melalui temubual secara tidak formal yang dilaksanakan oleh penyelidik mendapati majoriti asnaf yang terlibat tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat dan juga jumlah gaji bulanan yang diberikan kepada mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pada hakikatnya, pengagihan zakat yang telah dilaksanakan adalah tidak berkesan.

ABSTRACT

THE EFFECTIVENESS OF ZAKAH DISTRIBUTION ON ASNAF: STUDY KUMPULAN USAHAWAN ASNAF ZAKAT NEGERI PULAU PINANG

Zakah is an important element in society because social problems can be solved via zakah. Zakah obligation have meaning that implied that sometimes difficult to be understood by human that weak just like us. However meaning denotation has got we see and sense because Allah s.w.t do not commit or order something that futile to His slave. The effectiveness of zakah distribution on asnaf issue were not a new issue in fact this issue often mooted by society since long ago. This issue became more heated when people find zakah collection growing every year, but the effect of the distribution of charity is not visible impact in our country Malaysia. This study only focused on issues related to the effectiveness of zakah distribution on asnaf in Pulau Pinang state alone and does not involve other state in Malaysia. The objective of this study was undertaken to study and identify the elements that can measure the effectiveness of zakah distribution to asnaf, to examine factors that may influence the effectiveness and failure of zakah distribution to asnaf and to examine and identify ways to make the distribution of zakah more effective to the asnaf. This study use quantitative data approach which study data collection obtained through questionnaire survey . The findings show, generally zakah distribution that executed by Pusat Urus Zakat Pulau Pinang were effective. However, through informal interviews conducted by the researchers found that the majority asnaf involved are not satisfied with the method of distribution of zakah and the amount of salary given to them. This shows that in fact, the distribution of charity that have been implemented are not effective.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah penyelidik menyelesaikan penyelidikan ini. Penyelidikan ini dapat dilaksanakan hasil daripada kerjasama pelbagai pihak kerana tanpa kerjasama ini penyelidikan ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Azizi Abu Bakar yang banyak memberi tunjuk ajar kepada penyelidik dalam menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang serta pensyarah-pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana sudi memberikan tunjuk ajar yang berguna kepada penyelidik. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa yang tercinta, Mohd Asri bin Awang dan Kamilah binti Abd. Rahman serta adik-adik tersayang yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat kepada penyelidik selama ini. Ribuan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sudi membantu penyelidik dalam menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya penyelidik mengharapkan semoga hasil penyelidikan yang kecil ini dapat memberikan manfaat kepada umat Islam secara umumnya dan dapat menjadi panduan kepada ahli akademik dan pengamalannya.

SUSUNAN KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNAKAN TESIS	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SUSUNAN KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBARAJAH	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x

BAB PERTAMA: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop dan Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional Kajian	8
1.8.1 Zakat	8
1.8.2 Asnaf	9
1.8.3 Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat	9

BAB KEDUA: ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan	10
2.2 Konsep dan Pengertian Zakat	10
2.3 Sejarah Pengurusan Zakat	
2.3.1 Zaman Rasulullah s.a.w	14
2.3.2 Zaman Khulafa' al-Rasyidin	18
2.3.3 Zaman Pemerintahan Umayyah	20
2.4 Peranan Institusi Zakat	22
2.5 Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia	23
2.5.1 Pengurusan Zakat Negeri Pulau Pinang	25
2.6 Asnaf-asnaf Zakat	27
2.7 Pengagihan Zakat	31
2.7.1 Pengagihan Zakat Negeri Pulau Pinang	37
2.7.2 Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ)	38
2.8 Elemen-elemen yang Boleh Mengukur Keberkesanan Pengagihan Zakat	40
2.8.1 Ekonomi	42
2.8.2 Kualiti Hidup	46
2.8.3 Kerohanian	48

BAB KETIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	
3.2.1	Jenis Pengkajian	50
3.2.2	Jenis Kajian	50
3.2.3	Dimensi Masa	51
3.2.4	Persekitaran Penyelidikan kajian	51
3.3	Kerangka Teoritikal.	51
3.4	Pembolehubah Kajian	52
3.5	Senarai Hipotesis Kajian	53
3.6	Ujian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	54
3.7	Jenis Analisis	55
3.7.1	Analisis Statistik	55
3.7.2	Peralatan Analisis	56

BAB KEEMPAT: DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pendahuluan	57
4.2	Pengumpulan Data	
4.2.1	Pendekatan Pengumpulan Data	57
4.2.2	Jenis-jenis Data	58
4.3	Reka Bentuk Persampelan	
4.3.1	Populasi dan Sampel	58
4.3.2	Prosedur Pemilihan Sampel	58
4.3.3	Saiz Sampel	59
4.4	Instrumen Kajian	59
4.5	Ringkasan Analisis Data	
4.5.1	Profil Demografi	60
4.5.2	Analisis Statistik Deskriptif	62
4.5.3	Analisis Statistik Inferensi	63
4.6	Dapatan Kajian	64

BAB KELIMA: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	65
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	65
5.3	Saranan dan Cadangan	70
5.4	Kesimpulan	71

Bibliografi

Lampiran : Soalan Kaji Selidik

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1 : Agihan Zakat Tahun 2009 Mengikut Ketagori Asnaf Negeri Pulau Pinang	38
Jadual 3.1 : Nilai Cronbach's Alpha	54
Jadual 4.1: Analisis Kebolehpercayaan (Reliability)	60
Jadual 4.2 : Analisis Profil Demografi	61
Jadual 4.3: Min dan Sisihan Piawaian Untuk Pembolehubah Bebas	62
Jadual 4.4 : One-sample t test Statistics	63

SENARAI GAMBARAJAH

Muka Surat

Gambarajah 3.1 : Kerangka Kerja Konseptual

52

SENARAI KEPENDEKAN

ASUZ	:As-Sahabaah Urus Zakat Sdn. Bhd
KUAZ	:Kumpulan uSahawan Asnaf Zakat
MAIN	:Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	:Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
PUZ	:Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang
SMZ	:Syarikat Mengurus Zakat
PPZ	:Pusat Pungutan Zakat
PZS	:Pusat Zakat Selangor
TBS	:Tabung Baitulmal Sarawak

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Zakat merupakan suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia dan kepentingan dan ketinggian darjatnya boleh dilihat apabila Allah s.w.t telah meletakkan kewajipan berzakat di peringkat ketiga dalam rukun Islam. Rukun Islam merupakan tiang asas atau pasak kepada agama Islam, maka sudah tentu terdapat hikmah tersurat dan tersirat dalam pensyariatan kewajipan berzakat yang mampu menyimbangkan sosial ekonomi dan juga memartabatkan ummat Islam ke darjat yang tinggi. Justeru itu, melalui bab ini penyelidik akan cuba mengupas tentang pengenalan kepada kajian yang dijalankan iaitu berkaitan dengan isu keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf sebelum ia diteruskan dengan perbincangan dan kupasan yang terperinci yang akan dikupas dalam bab-bab yang seterusnya. Oleh itu dalam bab ini penyelidik mengupas serba sedikit tentang pengenalan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian dan seterusnya bab ini berakhir dengan definisi operasional kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Hal ini telah ditunjukkan oleh

Allah s.w.t dengan meletakkan zakat sebagai salah satu daripada rukun Islam yang merupakan akar umbi kepada agama Islam itu sendiri (Hairunnizam et. al., 2009).

Pensyariatan zakat di dalam al-Quran adalah secara umum dan tidak dijelaskan secara terperinci tentang kadar zakat, nisab, jenis harta yang dikenakan zakat atau syarat-syarat zakat. Penjelasan tentang perkara-perkara tersebut telah dijelaskan di dalam Hadith Rasulullah s.a.w. Namun demikian, Allah s.w.t telah menjelaskan secara jelas di dalam al-Quran tentang pengagihan zakat yang mana secara jelas menyatakan zakat perlu di agihkan kepada lapan asnaf tertentu (Hairunnizam et. al., 2009) seperti mana dalam firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah, ayat 60 yang bermaksud:

“ Sesungguhnya zakat-zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah.”

(Terjemahan surah al-Taubah 9:60)

Berdasarkan tafsiran ayat tersebut, jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *amil*, *muallaf* yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan) (Hairunnizam et. al., 2009). Menurut Mahmood Zuhdi (2003), ayat tersebut memberi penerangan yang jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat

berdasarkan ayat tersebut yang memperincikan arahan. Pendapat ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar yang perlu dipikul oleh pihak yang menguruskan zakat seperti institusi zakat (Hairunnizam et. al., 2009).

Secara teorinya zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat (Hairunnizam et. al., 2009). Semasa Rasulullah s.a.w menjadi penguasa di Madinah, zakat dijadikan sebagai mekanisme bantuan untuk menyelesaikan masalah penyaraan hidup yang dihadapi oleh umat Islam. Manakala Baitulmal bukan sahaja dijadikan pusat pengumpulan zakat dan harta, tetapi juga berfungsi sebagai jentera pengagihan dana zakat tersebut (Musa Ahmad et. al., 2007).

Namun begitu, pengagihan dana zakat bukan sahaja berkisar kepada asnaf yang memerlukan, tetapi untuk memenuhi keperluan hidup semasa dan juga untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh umat Islam. Selain itu, pengagihan zakat juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan ummat Islam yang kurang berkeupayaan dalam masyarakat. Peranan zakat tidak hanya berhenti di situ malah kini ia berperanan melangkaui bagi melepaskan masyarakat daripada garis kemiskinan. Pada masa kini juga zakat dilihat berperanan untuk mengangkat martabat umat Islam bagi mambantu perkembangan dan melicinkan proses pelaksanaan syariat Islam dan untuk menunjukkan semangat solidariti dalam kalangan umat Islam dalam usaha

membantu dan membela mereka menyelesaikan masalah kehidupan seharian (Musa Ahmad et. al., 2007).

Tugas memungut dan mangagihkan pula menjadi tanggungjawab masyarakat Islam (pemerintah), melalui amil (Musa Ahmad et. al., 2006) dan di Malaysia tugas memungut dan mengagihkan zakat dibawah tanggungjawab institusi zakat di setiap buah negeri masing-masing, ada yang ditadbir di bawah kerajaan negeri dan ada juga institusi zakat yang telah diswastakan seperti Lembaga Zakat Selangor dan juga Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang. Organisasi amil merupakan faktor penting dalam institusi zakat kerana organisasi amil yang akan bertanggungjawab menjadi agen bagi membuat kutipan dan mengagihkan dana zakat dengan berkesan (Musa Ahmad et. al., 2006). Ini bermakna sekiranya organisasi ini berjaya melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin, maka segala pengurusan zakat terutama pengagihan dana zakat menjadi lebih cekap dan berkesan serta dapat mencapai objektif pensyariatan zakat.

1.3 Pernyataan Masalah

Keadaan semasa perkembangan institusi zakat di Malaysia adalah memberangsangkan terutamanya dalam aspek kutipan zakat. Jumlah kutipan zakat di Malaysia telah meningkat dengan drastik. Hal ini terjadi kerana jumlah peningkatan kutipan zakat di setiap negeri semakin meningkat dari semasa ke semasa. Jumlah kutipan zakat bagi seluruh Malaysia pada tahun 2006 telah meningkat sebanyak 17 peratus kepada RM670.6 juta berbanding RM573 juta pada tahun sebelumnya (Laporan Zakat, 2006). Pada tahun 2009 pula kutipan

zakat telah meningkat kepada RM1,196,871,798.60. Manakala jumlah kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang pula meningkat kepada RM47,952,153.34 pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya yang mana jumlah kutipannya pada tahun 2008 adalah sebanyak RM41,764,273.00 (Laporan Zakat, 2009). Peningkatan yang memberangsangkan ini mungkin antaranya disebabkan kesan daripada kaedah pembayaran yang lebih mudah, pengurusan zakat yang cekap, penswastan institusi zakat dan sebagainya (Hairunnizam et. al., 2009).

Namun demikian, persoalannya bagaimana pula peningkatan dalam keberkesanan pengagihan zakat kepada asnaf, adakah ia meningkat atau tidak ada perubahan? Persoalannya, bagaimana institusi zakat mengukur keberkesanan dan kecekapan pengagihan zakat yang telah dilaksanakan terhadap asnaf? Selain daripada usaha untuk meningkatkan kutipan sumber zakat daripada mereka yang layak membayar zakat, isu-isu yang berkaitan keberkesanan pengagihan zakat juga perlu diambil perhatian yang serius kerana sekiranya pengagihan zakat ini tidak berjalan seperti mana fungsinya yang sebenar, maka akan wujud kepincangan dalam pengurusan zakat dan seterusnya memberi impak yang tidak baik kepada asnaf dan keadaan ini juga akan menyumbang kepada kegagalan dalam mencapai objektif pensyariatan zakat. Menurut Hirunnizam, Sanep dan Radiah (2009) jumlah pengagihan zakat keseluruhan pada tahun 2006 adalah RM 603.84 juta. Persoalannya, sejauhmana zakat yang diagihkan memberi kesan yang positif kepada asnaf?

1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimana untuk mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan atau kegagalan pengagihan zakat terhadap asnaf?
- iii. Bagaimana untuk menjadikan pengagihan zakat terhadap asnaf lebih berkesan?

1.5 Objektif Kajian

- i. Untuk mengkaji dan mengenal pasti elemen-elemen yang boleh mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf.
- ii. Untuk mengkaji faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kegagalan pengagihan zakat terhadap asnaf.
- iii. Untuk mengkaji dan mengenalpasti cara-cara untuk menjadikan pengagihan zakat terhadap asnaf lebih berkesan.

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang aspek kutipan zakat dan bagaimana kaedah dan cara untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat agar jumlah kutipan yang besar akan meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf

zakat (Md Zyadi dan Mariani 1999; Mohamed Dahan 1998; Nor Ghani et al. 2001; dan Syukri 2006). Namun demikian, tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengukur keberkesanan pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat. Oleh itu penyelidik berusaha untuk melaksanakan kajian ini iaitu dengan mengukur keberkesanan pengagihan zakat yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat kepada asnaf.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauhmana pengagihan zakat yang telah dilaksanakan memberi impak yang baik kepada asnaf dan selari dengan objektif pensyariatan zakat iaitu merapatkan jurang antara golongan miskin dengan golongan kaya serta melahirkan asnaf yang mampu menjadi pembayar zakat setelah menerima bantuan zakat daripada institusi zakat. Dapatan kajian ini juga akan dapat memberi panduan kepada institusi zakat untuk menilai keberkesanan pengagihan zakat yang telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan dan pentadbiran zakat Negeri Pulau Pinang khususnya. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pihak institusi zakat dalam menguruskan zakat terutamanya dalam aspek pengagihan zakat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kemampuan zakat dalam menyelesaikan masalah kemelut ekonomi dan juga masalah sosial yang menjadi wabak kepada masyarakat dunia secara amnya dan Malaysia secara khususnya.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Berdasarkan faktor kekangan masa dan kos, maka skop kajian adalah berkisar kepada isu-isu yang berkaitan dengan keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf di Negeri Pulau Pinang sahaja dan tidak melibatkan lain-lain negeri di Malaysia. Untuk menjadikan kajian ini mempunyai kualiti dalam tempoh masa kajian yang amat terhad, maka penyelidik memilih Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat yang di bawah seliaan Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang sebagai responden dan sampel kepada kajian ini dalam usaha mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap para asnaf.

1.8 Definisi Operasional Kajian

Terdapat tiga kata kunci utama di dalam kajian ini. Kata-kata kunci yang dimaksudkan ialah zakat, asnaf dan juga Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat. Definisi operasional kata-kata kunci inilah yang dibincangkan di dalam bahagian ini. Tujuannya adalah untuk menjelaskan maksud yang digunakan dalam kajian ini.

1.8.1 Zakat

Zakat dalam bahasa Arab membawa pengertian sebagai suci, subur, bersih dan berkembang. Manakala para Fuqaha mentakrifkan zakat sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredaan

Allah, penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak (Abg. Mohd Shibi Abg. Mohd Nailie, 2008).

1.8.2 Asnaf

Asnaf merupakan satu golongan yang berhak menerima zakat iaitu golongan yang ditentukan oleh Allah s.w.t yang layak menerima zakat dan sedekah. Asnaf ini terdiri daripada golongan fakir, miskin, amil, muallaf, hamba (*riqab*), orang yang berhutang (*gharimin*), *fiabilillah* dan musafir (Mohd Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah, 2008) yang akan dijelaskan secara terperinci dalam Bab Kedua nanti.

1.8.3 Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat

Menurut Lembaga Zakat Selangor (2011) Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) merupakan kumpulan usahawan asnaf fakir dan miskin yang dikenal pasti mempunyai kemampuan dan keinginan untuk maju serta berdaya saing. Para usahawan ini diberikan modal oleh pihak institusi zakat dan mereka juga diberi latihan berkaitan sebelum dan semasa menjalankan perniagaan, termasuklah kursus asas keusahawanan, kewangan, pemasaran dan ceramah motivasi.

BAB KEDUA

ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengutarakan dan membincangkan tentang konsep dan pengertian zakat, sejarah pengurusan zakat, pengurusan zakat di Malaysia. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang asnaf, pengagihan zakat dan seterusnya berkaitan dengan elemen yang boleh mengukur keberkesanan pengagihan dana zakat.

2.2 Konsep dan Pengertian Zakat

Zakat telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan dalam masyarakat, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dan juga satu bentuk penyucian dan pembangunan spritual (Muhammad Yasmin Ismail, 2007).

Pengertian zakat boleh dilihat dari dua sudut iaitu dari segi bahasa dan istilah syarak. Zakat dari segi bahasa ialah kata zakat merupakan kata dasar (*masdar*) daripada *zaka* yang bermaksud berkat, tumbuh, bersih, dan baik. Manakala pengertian zakat menurut Zamakhsyari dari segi istilah *fiqh* pula ialah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah s.w.t diserahkan kepada orang-orang yang berhak. Jumlah yang dikeluarkan dari kekayaan itu disebut zakat kerana yang

dikeluarkan itu menambah banyak, membuat lebih bererti, dan melindungi kekayaan itu daripada kebinasaan (al-Qardhawi, 2007).

Ibn. Taimiyyah menyatakan bahawa jiwa orang yang berzakat itu menjadi bersih dan kekayaannya juga akan bersih. Maksud "tumbuh" dan "suci" tidak digunakan hanya untuk kekayaan sahaja malah lebih daripada itu tetapi ia juga untuk jiwa orang yang menzakatkannya, al-Qardhawi (2007) dan ini sesuai dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

” Pungutlah zakat dari kekayaan mereka, engkau bersihkan dan sucikan mereka dengannya...”

(Terjemahan surah al-Taubah 9:103)

Zakat wajib ini menurut bahasa al-Quran juga disebut sedekah dan menurut Mawardi, sedekah itu adalah zakat dan zakat itu adalah sedekah. Walaupun berbeza nama tetapi ia mempunyai maksud yang sama, al-Qardhawi (2007). Selain daripada al-Quran, Hadith Rasulullah s.a.w juga menggunakan kalimah sedekah dalam menerangkan kewajipan berzakat. Antara ayat-ayat al-Quran dan Hadith yang menggunakan kalimah sedekah dalam menerangkan zakat wajib ialah:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

” Pungutlah sedekah dari kekayaan mereka: Kau bersihkan dan sucikan mereka dengan zakat itu...”

(Terjemahan surah al-Taubah 9:103)

Dan firmanNya yang lain, bermaksud:

” Di antara mereka ada yang mencelamu mengenai-mengeni sedekah-sedekah. Tetapi jika mereka diberi sedekah itu, mereka senang, dan jika tidak diberi murkalah mereka.”

(Terjemahan surah al-Taubah 9:58)

Seterusnya dalam Hadith Rasulullah s.a.w yang memerintahkan Mu’az Ibn Jabal, ketika dilantik menjadi Gabenor di negeri Yaman. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

” Terangkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan sedekah, yang dikenakan pada kekayaan orang-orang kaya.”

(Hadith Riwayat Bukhari)

Ayat-ayat al-Quran dan Hadith di atas adalah mengenai zakat tetapi ia diungkapkan dengan menggunakan istilah *shadaqah*. Namun dalam penggunaan seharian kalimah sedekah itu telah disalah ertikan iaitu sedekah yang diberikan kepada pengemis dan orang yang meminta-minta. Pengertian seperti itu sama sekali tidak tepat dan ia juga merupakan satu pengertian yang sempit. Pada hakikatnya kita tidak boleh lupa, bagaimana sebenarnya pengertian suatu perkataan dalam bahasa Arab pada zaman al-Quran diturunkan yang mana kalimah *shadaqah* adalah berasal daripada kalimah *shidq* yang bererti benar (al-Qardhawi, 2007).

Oleh kerana itulah, al-Qardhawi berpendapat bahawa pengertian itu merupakan sebab kenapa Allah menggabungkan perkataan "memberi" dengan "membenarkan" dan "kikir" dengan "dusta", al-Qardhawi (2007) dalam firmanNya yang bermaksud:

"Siapa yang "memberi" dan bertaqwa, serta "membenarkan" adanya pahala yang terbaik, Kami sungguh memudahkan baginya jalan menuju bahagia. Tetapi siapa yang "kikir" dan lupa daratan, serta "mendustakan" adanya pahala yang terbaik, akan Kami mudahkan baginya jalan kepada kemalangan."

(Terjemahan surah al-Lail 92:5-10)

Manakala menurut Imam Syafi'e pula, zakat adalah berasal dari perkataan Arab yang bererti bersih atau subur dan pengertian syaraknya pula ialah mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat syaratnya yang tertentu, Wahairi Mahmud, (1991). Syeikh Abdullah Basmih pula berkata, menurut istilah syarak zakat ialah nama bagi bahagian tertentu yang wajib diberikan kepada orang-orang tertentu dengan syarat-syaratnya (Wahairi Mahmud, 1991).

Rumusannya, zakat menurut syarak adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah s.w.t dan diberikan kepada golongan tertentu dengan memenuhi syarat-syarat tertentu. Oleh itu, zakat tidak boleh diberikan kepada golongan selain daripada golongan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t iaitu asnaf yang lapan.

Selain itu zakat juga akan membersihkan harta dan jiwa orang yang mengeluarkan zakat serta akan menyuburkan lagi harta tersebut dengan sebab mengeluarkan zakat. Jiwa orang yang berzakat disucikan dengan mengikis sifat tamak, kikir, bakhil dan bongkak kemudian ia diisi pula dengan sifat ihsan, tawaduk, pemurah dan sanggup berkorban sesama saudara Islam. Manakala harta pula dapat disucikan dengan memulangkan hak orang lain kepada pemiliknya (Wahairi Mahmud, 1991).

2.3 Sejarah Pengurusan Zakat

2.3.1 Zaman Rasulullah s.a.w

Pemerintahan Rasulullah s.a.w merupakan satu contoh yang cukup sempurna serta lengkap untuk dicontohi oleh umat baginda, walaupun pada masa itu belum ada ilmupengurusan moden yang tersusun dan khusus yang dijadikan sebagai salah satu disiplin ilmu. Pada hakikatnya, ilmu pengurusan itu telah ada melalui wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu yang bertunjangkan iman dan aqidah. Oleh itu, ilmu pengurusan yang ada pada Rasulullah s.a.w sudah tentu lebih baik atau lebih mantap kerana baginda telah didik oleh Allah s.w.t sendiri.

Pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w telah menunjukkan kejayaan yang menjadi contoh dan panduan utama kepada sistem pengurusan zakat pada masa kini. Akan tetapi kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tidak dimulai dengan pembinaan negara Islam yang berasaskan iman dan aqidah terlebih dahulu. Oleh kerana itulah, Rasulullah

s.a.w berjaya membina sebuah negara Islam yang berasaskan iman dan aqidah terlebih dahulu sebelum baginda berusaha untuk menyusun kehidupan masyarakat ke arah kesejahteraan dan persaudaraan sesama umat melalui zakat (Wahairi Mahmud, 1991)

Melalui zakat Rasulullah s.a.w telah berjaya menyusun kehidupan masyarakat ke arah kesejahteraan dan persaudaraan sesama umat. Selain itu, zakat juga merupakan ikatan kewangan antara masyarakat sejagat (Wahairi Mahmud, 1991).

Oleh itu, untuk mencapai kejayaan tersebut, baginda telah bertindak mengemaskinikan institusi zakat supaya pengurusan atau pentadbirannya menjadi lebih mantap. Perkara yang pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ia dengan melantik pegawai-pegawai zakat dan dihantar keseluruh wilayah Islam. Para pegawai tersebut ditugaskan untuk memungut zakat dari golongan yang kaya dalam kalangan mereka dengan kadar yang telah ditentukan. Kemudian barulah hasil pungutan zakat itu diagihkan kepada golongan yang berhak. Namun, golongan fakir miskin diberikan keutamaan oleh Rasulullah s.a.w dalam pengagihan zakat (Wahairi Mahmud, 1991) sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam perintah terhadap Mu'az ibn Jabal ketika diutus ke Yaman yang bermaksud:

”Sampaikanlah kepada mereka, bagaimana Allah telah mewajibkan zakat harta benda mereka, yang dipungut dari orang-orang kaya, kemudian dibahagikan kepada orang-orang miskin.”¹

¹ Dipetik daripada *Zakat Peranannya Dalam Penyuburan Harta*, Wahairi Mahmud, 1991:13.

Usaha Rasulullah s.a.w untuk memantapkan institusi zakat bukan berhenti setakat itu sahaja, usaha baginda berterusan dengan memastikan segala tugas berjalan dengan lancar. Baginda telah membahagikan bidang-bidang tugas tertentu kepada setiap pegawai yang dilantik. Bilal Ibn Rabah telah ditugaskan oleh baginda untuk menjaga dan mengagihkan zakat, manakala Zubair Ibn Awwam dan Jahmu Ibn al-Sult ditugaskan sebagai pendaftar dan juruaudit terhadap harta-harta yang telah dikumpulkan (Wahairi Mahmud, 1991).

Setelah memastikan jentera pentadbiran berjalan dengan lancar, urusan pengagihan semula harta yang dikumpulkan akan dijalankan dengan segera. Hal ini adalah amat penting kerana majoriti umat Islam pada masa itu hidup dalam kemiskinan (Wahairi Mahmud, 1991).

Setelah meneliti bentuk dan cara baginda menguruskan institusi zakat dapatlah kita mengenalpasti rahsia kejayaan dan keberkesanan pengurusan institusi zakat oleh Rasulullah s.a.w. Pembinaan masyarakat yang beriman dan teguh aqidahnya membuatkan pengurusan zakat pada zaman itu menjadi lebih mudah dan berkesan kerana ummat Islam yang kaya mengeluarkan zakat bukan kerana paksaan akan tetapi ia berasaskan keimanan dan keteguhan aqidah dalam diri umat Islam pada zaman tersebut.

Baginda juga telah menggunakan komponen pengurusan iaitu pada permulaannya baginda telah membuat perancangan yang teliti dengan membentuk negara Islam yang berasaskan iman dan aqidah sebelum memantapkan institusi zakat kerana dengan wujudnya masyarakat yang beriman dan mempunyai keteguhan aqidah dalam diri setiap umat Islam akan memudahkan dan melancarkan lagi urusan pelaksanaan pentadbiran zakat.

Setelah baginda membuat perancangan, baginda pula mengorganisasikan institusi zakat dengan melantik beberapa orang pegawai yang akan melaksanakan tugas yang berkaitan dengan pentadbiran zakat. Seterusnya peringkat pelaksanaan diteruskan dengan memerintahkan pegawai memungut zakat dari golongan kaya dengan kadar yang tertentu dan mengagihkan semula harta yang dikumpulkan kepada golongan yang berhak. Tindakan Rasulullah s.a.w yang terakhir ialah dengan membuat kawalan bagi memastikan segala tugas berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.

Keunggulan pengurusan dan pentadbiran zakat oleh Rasulullah s.a.w telah terbukti dan ia sepatutnya menjadi contoh atau panduan utama kepada seluruh umat Islam dalam usaha melaksanakan apa jenis pengurusan sekalipun terutama sekali pengurusan zakat oleh insituti-institusi zakat pada masa kini.

2.3.2 Zaman Khulafa' al-Rasyidin

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w pada tahun ke 10 Hijrah, pucuk kepimpinan Islam telah bertukar kepada para sahabat baginda yang lebih dikenali sebagai Khulafa' al-Rasyidin. Walaupun pucuk kepimpinan Islam telah berubah pada masa itu, kegemilangan Islam tetap diteruskan termasuklah kegemilangan dan keberkesanan pengurusan zakat yang pernah dicapai ketika zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w, bahkan pada zaman ini lebih banyak berlaku perkembangan dalam pelbagai aspek (Wahairi Mahmud, 1991) .

Oleh itu, kedudukan ekonomi umat Islam semakin teguh dengan bertambahnya sumber zakat. Hal ini, menyebabkan perlunya suatu bentuk pentadbiran yang lebih mantap dan sistematik (Wahairi Mahmud, 1991).

Walaupun bagaimanapun, pada zaman Khalifah Abu Bakar tidak terdapat banyak pembaharuan yang dibuat kerana keadaan ummat Islam pada masa itu dan juga tempoh pemerintahannya yang singkat menyebabkan tidak banyak perubahan yang dibuat oleh beliau. Walaupun tidak banyak perubahan yang berlaku pada zaman tersebut, Saidina Abu Bakar telah mengambil satu langkah bijak dengan melantik Abu Ubaidah al-Jarrah sebagai pemegang amanah negara kerana Abu Ubaidah adalah seorang yang jujur dan melaksanakan tugasnya dengan adil. Hal ini dapat dilihat dan dibuktikan bahawa beliau hanya mengambil dua dirham pada setiap hari dari peruntukan Bait al-Mal sepertimana yang diamanahkan kepadanya. Seterusnya harta-

harta Bait al-Mal diagihkan kepada asnaf-asnaf yang berhak dengan kadar yang segera (Wahairi Mahmud, 1991).

Selepas Khalifah Abu Bakar wafat, Saidina Umar al-Khattab telah mengambilalih tampuk kepimpinan negara Islam. Walaupun tampuk kepimpinan telah bertukar tangan, polisi yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w tetap diteruskan. Banyak perkembangan dan kemajuan yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Hal ini terjadi kerana pada masa tersebut negara Islam semakin luas dengan pembukaan Iraq, Parsi, Syam, Mesir dan ini menambahkan lagi sumber harta umat Islam pada masa tersebut. Keadaan ini telah mendesak Saidina Umar menubuhkan satu Dewan Khas yang bertujuan untuk mengemaskini sistem Bait al-Mal (Wahairi Mahmud, 1991).

Usaha Saidina Umar untuk memantapkan lagi sistem pengurusan Bait al-mal bukan berhenti setakat itu, bahkan beliau telah menubuh sebuah Dewan Khas di setiap cawangan pada setiap wilayah Islam. Dewan Khas ini berfungsi sepenuhnya dalam urusan Bait al-Mal seperti merekod keluar masuk wang, gaji pekerja, pengagihan kepada golongan yang berhak mendapat zakat dan sebagainya. Pada asasnya Saidina Umar banyak mengambil contoh sistem Bait al-Mal di negara-negara jiran untuk diaplikasikan di Bait al-Mal negara, Wahairi Mahmud (1991). Oleh itu, penggabungan sistem Bait al-Mal yang sedia ada dengan sistem Bait al-Mal di negara-negara jiran telah menjadikan sistem Bait al-Mal negara lebih mantap dalam pelbagai aspek.

Khalifah Umar al-Khattab lebih terkenal dengan sifat ketegasannya dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan amanah terutamanya dalam pemerintahan negara. Beliau adalah orang yang pertama yang memperkenalkan sistem kawalan terhadap amil-amil dan para pegawai yang telah dilantik. Kawalan ini dilaksanakan sebelum seseorang itu dilantik sebagai amil atau pegawai, setiap harta kekayaan mereka dinilai dan didaftarkan terlebih dahulu sebelum mereka dilantik, Wahairi Mahmud (1991). Kawalan ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan mengelakkan penyelewengan yang mungkin akan berlaku setelah pegawai itu dilantik.

Selain itu, Saidina Umar juga mementingkan prestasi kerja yang cemerlang supaya amil-amil yang dilantik untuk kekal dalam jawatan masing-masing. Untuk menjaga prestasi kerja, beliau telah mengambil satu langkah dengan memecat mereka yang khianat dan menyeleweng dalam tugas yang telah diamahkan. Oleh kerana itu, beliau telah menawarkan gaji yang lumayan kepada pegawai yang dilantik, yang mana beliau pernah membayar seratus dirham sebulan kepada Amma Ibn Yasser iaitu gabenornya di Kufah (Wahairi Mahmud, 1991).

2.3.3 Zaman Pemerintahan Umayyah

Dalam kajian ini penyelidik tidak mengupas keseluruhan sejarah pada zaman pemerintahan Umayyah, penyelidik hanya akan menyentuh tentang sejarah pengurusan zakat pada pemerintahan Khalifah Umar Ibn Abdul Aziz yang

boleh dijadikan contoh penting dalam sistem pengurusan zakat pada masa kini.

Zaman pemerintahan Saidina Umar Ibn Abdul Aziz adalah merupakan zaman kegemilangan Islam selepas pemerintahan Khalifah al-Rasyid. Kecekapannya dalam pemerintahan telah memberikan banyak sumbangan kepada kemajuan yang dapat dirasai oleh masyarakat Islam pada ketika itu. Beliau juga tetap mengekalkan zakat gaji sebagai salah satu sumber zakat negara sebagaimana zaman pemerintahan Khalifah al-Rasyid (Wahairi Mahmud, 1991).

Selain itu, beliau juga telah memperkenalkan zakat terhadap hadiah dan harta rampasan secara zalim. Walau bagaimanapun, pemungutan zakat daripada sumber ini dikenakan hanya setelah beliau memulangkan harta itu kepada tuan asalnya (Wahairi Mahmud, 1991).

Untuk mengekalkan prestasi pekerja Saidina Umar Ibn Abdul Aziz mengamalkan sikap pengawasan terhadap amil-amil yang telah dilantik. Sekiranya berlaku penyelewengan dalam kalangan amil, maka amil itu akan dipecat. Sebenarnya dasar ini telah banyak membantu kejayaan dan kegemilangan dalam pemerintahannya. Sehingga beliau dianggap seorang pemerintah paling berjaya dalam konteks mengangkat taraf kehidupan rakyat di tahap yang tertinggi. Hal ini dapat dibuktikan, apabila tidak terdapat golongan yang berhak menerima zakat dan majoriti masyarakat Islam pada masa itu hidup pada tahap kesenangan (Wahairi Mahmud, 1991).

Menurut Yahya bin Saad, beliau telah menjalankan tugas memungut zakat di daerah Islam di Afrika. Setelah urusan pungutan zakat selesai, beliau terpaksa mencari golongan fakir miskin yang berhak menerima zakat tetapi tidak bertemu. Hal ini adalah menunjukkan keadaan masyarakat Islam pada masa itu berada pada tahap kesenangan dan mewah. Keadaan ini berlaku adalah kerana kebijaksanaan Khalifah Umar Ibn Abdul Aziz dalam menguruskan pemerintahannya. Pemerintahan beliau juga telah menjadikan rakyat hidup senang dan mewah, sehingga lebih hasil zakat digunakan untuk menebus hamba abdi dan membebaskan mereka (Wahairi Mahmud, 1991).

2.4 Peranan Institusi Zakat

Institusi zakat adalah satu badan yang telah diamanahkan oleh pemerintah untuk menguruskan urusan yang berkaitan dengan urusan kutipan dan agihan zakat kepada mereka yang berhak. Justeru itu, kewujudan institusi zakat adalah berperanan untuk (Mujaini bin Tarimin, 2005):

1. Menjamin keberkesanan dan disiplin pembayaran zakat.
2. Menjaga perasaan rendah diri para asnaf apabila berhadapan secara langsung dengan para pembayar zakat untuk menerima haknya.
3. Mencapai sasaran yang tepat dalam penggunaan dana zakat menurut skala keutamaan yang ada di suatu tempat.
4. Menzahirkan syiar Islam dan semangat tanggungjawab negara terhadap pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam.

Namun begitu, peranan utama institusi zakat adalah memungut zakat daripada mereka yang layak membayar zakat dan mengagihkannya kepada mereka yang berhak iaitu para asnaf zakat. Hal ini adalah telah dijelaskan oleh sabda Rasulullah s.a.w yang mengingatkan Mu'az ketika beliau diangkat menjadi gabenor di Yaman. Peringatan yang diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w tidak melupakan tanggungjawab pemerintah supaya mengutip zakat daripada mereka yang berhak membayar dan diagihkan dana zakat tersebut kepada mereka yang berhak menerima (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

”Rasulullah s.a.w mengutus Mu'az ke Yaman, ia memerintahkan,”Beritahulah kepada penduduk Yaman, sesungguhnya Allah telah mewajibkan kepada mereka sedekah (zakat) yang diambil dari orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang fakir dikalangan mereka.”²

(H.R. Jamaah ahli Hadis)

2.5 Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia

Setiap undang-undang di Malaysia mestilah berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan, sekiranya terdapat undang-undang yang berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan maka undang-undang tersebut akan terbatal setakat yang berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan. Begitu juga dengan kuasa pengurusan zakat, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kuasa agama

² Dipetik daripada *Pengurusan Zakat Semasa*, Hasan bin Baharom, Ezani bin Yaakub, 2006:12.

adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Hal ini bermaksud kerajaan pusat tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam urusan agama negeri-negeri, melainkan ke atas negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Oleh itu, sistem pengurusan zakat di Malaysia adalah di bawah kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh sebuah badan iaitu Majlis Agama Islam Negeri. Ini bermaksud Majlis Agama Islam Negeri bertanggungjawab dan mempunyai kuasa dalam urusan yang berkaitan kutipan dan agihan dana zakat kepada mereka yang berhak menerimanya (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Sebagai contoh, kewujudan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor atau *Council of Religion and Malay Customs Selangor*. Ia ditubuhkan mengikut kuatkuasa Fasal 5 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor Tahun 1952. Sebaik sahaja undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor diluluskan majlis ini ditubuhkan pada tahun 1953 (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Selain itu, Majlis ini juga merupakan suatu badan yang tetap dan mempunyai mohornya sendiri. Badan ini juga mempunyai hak untuk menuntut dan dituntut, mendakwa dan didakwa atas nama badan ini sendiri. Manakala untuk menjalankan urusannya pentadbirannya, majlis mempunyai sumber kewangannya sendiri yang terdiri daripada wang kutipan fitrah dan wang serta harta orang-

orang Islam yang dikumpulkan ke dalam Bait al-Mal (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Badan ini juga boleh membuat perjanjian dengan mana-mana pihak, membeli, memegang dan menggunakan harta serta menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas syarak. Majlis ini juga boleh menjadi *wasi* harta pusaka bagi orang-orang Islam dan menjadi wakil. Manakala Bait al-Mal pula adalah badan di bawah Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab memungut dan mengagihkan sumber ekonomi Islam dalam bentuk zakat, zakat fitrah, harta wakaf, harta pusaka dan beberapa sumber-sumber lain (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

2.5.1 Pengurusan Zakat Negeri Pulau Pinang

Pengurusan zakat di negeri Pulau Pinang adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Namun demikian, pada 1 Jun 1994 MAINPP telah menswastakan pengurusan zakat ini kepada Syarikat As-Sahabaah Urus Zakat Sdn. Bhd (ASUZ) yang telah didaftarkan oleh MAINPP sendiri sebagai syarikat petugas amil bagi pihak MAINPP dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuh MAINPP. Pada 1 September 1994 telah memulakan operasi sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ) sebagai nama pejabat bagi ASUZ bertujuan untuk mengekalkan '*public interest*' terhadap institusi zakat (www.zakatpenang.com, dicapai pada 20 April 2011).

Walau bagaimanapun dari aspek bidang kuasa, pada peringkat awalnya PUZ hanya diberikan kuasa oleh MAINPP untuk mengumpulkan zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai sahaja. Manakala MAINPP masih memainkan peranan penting dalam aktiviti pemungutan zakat fitrah dan pengagihan dan zakat di negeri Pulau Pinang. Hal ini bermaksud pada peringkat awal penubuhan PUZ ia tidak diberikan kuasa penuh dalam pengurusan zakat negeri Pulau Pinang dan juga pengurusan tersebut masih ada campur tangan daripada pihak MAINPP (www.zakatpenang.com, dicapai pada 20 April 2011).

Namun pada Mac 1999, MAINPP telah memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada PUZ untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat termasuklah kutipan dan agihan zakat fitrah bagi negeri Pulau Pinang. Pemberian kuasa penuh ini adalah ekoran daripada kejayaan PUZ dalam meningkatkan kutipan zakat dari RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 yang telah meyakinkan MAINPP bahawa PUZ mempunyai potensi yang memberansangkan dalam menguruskan operasi kutipan dan sekaligus operasi pengagihan dana zakat (www.zakatpenang.com, dicapai pada 20 April 2011).

Manakala dari sudut struktur pengurusan, PUZ mempunyai tiga jabatan utama iaitu terdiri daripada Jabatan Kutipan dan Pemasaran, Jabatan Pengurus Besar dan Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat. Setiap jabatan mempunyai bahagian masing-masing, iaitu Jabatan Kutipan dan Pemasaran mempunyai empat bahagian yang terdiri daripada Bahagian

Operasi Perniagaan, Bahagian Operasi Majikan, Bahagian Operasi Khas, Unit Khidmat Kaunter/Perkhidmatan Pelanggan dan Bahagian Potongan Gaji (www.zakatpenang.com, dicapai pada 20 April 2011).

Bagi Jabatan Pengurus Besar terdapat lima bahagian iaitu, Jabatan Kewangan dan Perakaunan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Audit Dalaman dan Pengurusan Kualiti, Bahagian Pengurusan Fitrah dan Qaryah dan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia. Seterusnya, Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat pula mempunyai empat bahagian iaitu Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Usahawan, bahagian inilah yang menguruskan asnaf-asnaf Kumpulan uSahawan Asnaf Zakat (KUAZ) yang menjalankan lima projek keusahawanan iaitu bengkel masakan, bengkel jahitan, atrium, kraf dan PUZ-Mart. Bahagian yang seterusnya adalah Bahagian Pembangunan Kebajikan dan Sosial, Bahagian Perolehan dan Akaun Agihan, Bahagian Projek Khas dan Bahagian Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan (www.zakatpenang.com, dicapai pada 20 April 2011).

2.6 Asnaf-asnaf Zakat

Asnaf merupakan jenis atau golongan yang berhak menerima zakat iaitu golongan yang ditentukan oleh Allah s.w.t yang layak menerima zakat dan sedekah. Zakat tidak boleh diagihkan oleh pihak berkuasa mengikut pertimbangan sendiri melainkan golongan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t

di dalam al-Quran (al-Qardhawi, 2007). Manakala golongan tersebut sebagaimana dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud:

”Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang yang miskin, dan amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Terjemahan Surah al-Taubah, 9:60)

Maka melalui ayat tersebut, sasaran zakat menjadi jelas dan masing-masing mengetahui haknya. Menurut 'Abdullah (2001) berdasarkan ayat di atas, Allah telah menetapkan bahawa terdapat lapan golongan yang layak menerima zakat iaitu:

1. Fakir

Fakir bererti orang yang tidak mempunyai harta dan tidak ada mata pencarian. Walaupun mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas maka mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah.

2. Miskin

Miskin bermaksud orang yang mempunyai harta atau mata pencarian tetapi hanya mampu menampung keperluan semasa sahaja dan ia tidak dapat

memenuhi keinginannya sendiri atau ahli keluarganya. Golongan ini tidak wajib menunaikan ibadah yang berkaitan dengan harta seperti zakat harta dan haji, bahkan mereka berhak menerima daripada zakat dan fitrah.

3. Amil

Amil zakat dalam konteks ini bermaksud setiap golongan yang terlibat dengan pengurusan zakat, sama ada sebagai pegawai pengurusan atau kakitangan sokongan pada setiap peringkatnya. Mereka ini berhak memperoleh peruntukan tertentu daripada hasil pungutan zakat sebagai gaji dan sara hidup mereka atau dalam bentuk yang munasabah.

4. Muallaf

Muallaf adalah orang yang baru memeluk Islam, iaitu orang yang dijinakkan hatinya supaya tetap teguh menyintai Islam. Iman orang yang baru memeluk Islam adalah masih lemah. Oleh itu golongan ini perlu diberikan perhatian, diberi kasih sayang dan juga tunjuk ajar. Golongan ini juga mendapat keistimewaan di sisi Allah s.w.t dengan ditetapkan sebahagian zakat dan sedekah. Ini adalah sebagai penghargaan dan hadiah kepada mereka kerana memilih jalan yang baik dan sejahtera. Pemberian zakat atau sedekah boleh melunakkan dan menjinakkan hati muallaf.

Menurut Mahmood Zuhdi (2003) para ulama dalam mazhab-mazhab lain berpendapat, muallaf bukan sahaja orang yang baru memeluk Islam tetapi juga golongan yang memerlukan simpati sama ada golongan itu beragama Islam atau orang kafir.

5. Hamba (*Riqab*)

Menurut jumhur *fuqaha* 'cara menggunakan wang zakat untuk memerdekakan hamba ialah dengan membantu hamba *mukatab* untuk mengumpulkan wang yang mencukupi bagi menebus dirinya berasaskan persetujuan berkenaan dengan pihak tuannya. Menurut Islam usaha membebaskan hamba amat menggalakkan dan salah satu daripada caranya adalah dengan memberi peluang kepada mereka untuk menebus diri sendiri.

6. Orang yang Berhutang (*Gharimin*)

Gharimin atau orang yang berhutang ialah seseorang yang kurang mampu dan berhutang untuk keperluan ketaatan kepada Allah s.w.t atau untuk segala hal yang harus. Oleh itu, sekiranya ia berhutang untuk perbuatan maksiat, maka tidak boleh diberikan zakat kepadanya.

7. *Fisabilillah*

Terdapat perbezaan pendapat ulama mengenai maksud *fisabilillah* sama ada ia membawa maksud khusus atau umum. Menurut jumhur *fuqaha* 'maksud *fisabilillah* dalam ayat di atas ialah perjuangan atau jihad di jalan Allah s.w.t sahaja. Begitu juga pendapat kebanyakan ulama lain seperti al-Nawawi, Ibn Hajar, Mazhab Syafie, Hanbali dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, *fuqaha* ' dalam mazhab Hanafi berpendapat bahawa bahagian berkenaan juga diberikan kepada mereka yang dalam perjalanan menunaikan haji, para pelajar yang menuntut ilmu dan kepada sesiapa sahaja yang melakukan kerja-kerja kebajikan. Selain itu, golongan

lain juga berpendapat bahawa istilah tersebut perlu ditafsirkan dengan pengertian yang lebih luas lagi bertepatan dengan pendapat Imam Fakhr al-Razi, bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk tujuan kebaikan seperti menyempurnakan jenazah, pembinaan masjid dan sebagainya.

8. Musafir

Musafir adalah istilah yang diterjemahkan daripada istilah *ibn sabil* dalam bahasa Arab. Penekanan terhadap orang musafir atau *ibn sabil* ini berkaitan dengan ajaran Islam yang menggalakkan perjalanan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain bagi pelbagai tujuan seperti mereka yang ingin mencari rezeki, mencari ilmu, berjihad, menunaikan haji dan sebagainya.

Oleh itu, sesiapa yang melakukan perjalanan untuk tujuan yang baik yang melebihi dua marhalah seperti keluar menuntut ilmu, menunaikan haji, dan sebagainya membolehkan mereka mendapat kemudahan dalam Islam seperti mendapat bahagian zakat (Mohd Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah, 2008).

2.7 Pengagihan Zakat

Undang-undang di Malaysia adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan setiap undang-undang yang digubal tidak boleh bersalahan dengan Perlembagaan Persekutuan dan sekiranya ia bersalahan maka undang-undang tersebut akan terbatal secara automatik setakat yang bersalahan dengan Perlembagaan

Persekutuan. Begitu jugalah perundangan yang berkaitan pungutan dan agihan zakat.

Di bawah Butiran (1) Senarai Kedua, Jadual kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, agama terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Kerajaan Negeri mempertanggungjawabkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi mengendalikan segala urusan berkaitan agama di negeri-negeri termasuklah urusan berkaitan memungut dan mengagihkan dana zakat. Tanggungjawab ini merupakan salah satu daripada fungsi teras dalam pentadbiran MAIN yang telah dilaksanakan sejak sekian lama (Ab. Rahim Zakaria, 2007).

MAIN telah menjalankan pelbagai usaha termasuklah memperkukuhkan struktur organisasi dan perjawatannya untuk memajukan fungsi zakat sekaligus meningkatkan hasil kutipan zakat. Di antara langkah yang paling konkrit bagi meningkatkan hasil kutipan zakat ialah penubuhan syarikat mengurus zakat (SMZ) bermula dengan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Wilayah Persekutuan, Pusat Zakat Selangor (PZS), Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka. Manakala Sarawak pula telah menubuhkan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) yang dianggap sebagai agen penting bagi meningkatkan pungutan zakat di Sarawak bagi pihak Majlis Agama Islam Sarawak (Ab. Rahim Zakaria, 2007).

Menurut Mujaini Tarimin (2005) asas agihan dana zakat adalah berdasarkan nas al-Quran, Hadith, ijmak dan qiyas, ijtihad dan pendapat ulama mutakhir. Asas-asas ini dijana melalui penyelidikan, kajian, bengkel dan seminar. Hal ini

adalah penting untuk dikemukakan kepada para pengurus zakat kerana dana zakat yang dikutip akan menjadi dana yang besar dan menjadi perhatian orang awam serta para asnaf. Melalui asas pengurusan pengagihan, ibadah zakat akan terlaksana berdasarkan konsep yang telus dan sistematik.

Pengagihan zakat boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu agihan berdasarkan kepada keperluan dan golongan yang mendapat agihan kategori ini terdiri daripada asnaf fakir, miskin, hamba, siberhutang dan *ibn sabil*. Kategori yang kedua ialah agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan bermoral dan asnaf yang mendapat bantuan bagi kategori ini ialah muallaf dan fisabilillah. Kategori yang ketiga adalah agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat dan asnaf yang terlibat ialah amil (Mujaini Tarimin, 2005).

Pensyariatan zakat ada objektifnya yang tersendiri yang sudah semestinya pensyariatannya memberikan manfaat kepada umat manusia. Pengagihan zakat juga mempunyai objektifnya tersendiri. Menurut Mujaini Tarimin (2005) objektif agihan zakat adalah untuk menunaikan hak dan tanggungjawab pembangunan asnaf seperti menaikkan taraf bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian. Agihan zakat juga untuk meningkatkan dan mempertahankan martabat umat dengan cara membantu dan melaksanakan program-program, projek-projek dan usaha-usaha meninggikan ajaran agama Islam.

Pengagihan zakat juga mempunyai prinsip yang tertentu, merupakan garis panduan yang mesti dipatuhi oleh setiap pegawai yang diberikan amanah dan tanggungjawab. Merekalah yang akan membuat keputusan dan agihan kepada setiap lapisan golongan asnaf untuk mencapai sasaran dan tujuan sebenar. Prinsip-prinsip ini adalah penting untuk menjamin keberkesanan pengagihan zakat dan mencapai sasarannya. Kaedah-kaedah terperinci tentang pengagihan dana zakat yang sistematik dan berkesan telah dijelaskan dan ditegaskan oleh Allah s.w.t di dalam surah al-Taubah, ayat 60. Kalimah '*innama*' dalam ayat tersebut telah memberikan isyarat bahawa agihan itu tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya sehingga merugikan asnaf yang lain (Mujaini Tarimin, 2005).

Dalam penentuan asnaf, ia bukanlah hak pemerintah, Nabi atau sesiapa pun kerana penentuan asnaf adalah merupakan hak Allah s.w.t. Hal ini telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w ketika dipersoal oleh seorang yang mendakwa ia tercicir daripada senarai agihan zakat. Baginda menegaskan seandainya ia termasuk dalam senarai lapisan asnaf yang ditegaskan oleh al-Quran, ia tetap berhak menerimanya dan menjelaskan bahawa hak penentuan asnaf bukanlah hak Nabi atau pun pemerintah akan tetapi ia adalah hak Allah s.w.t (Mujaini Tarimin, 2005).

Menurut Mujaini Tarimin (2005) terdapat beberapa kaedah agihan dana zakat yang wajar dipatuhi oleh pegawai-pegawai pengurusan agihan zakat dan sebahagian daripada kaedah ini telah dijadikan prosedur tetap di bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia. Antara kaedah-kaedahnya ialah amanah, semua hasil kutipan zakat adalah amanah Allah s.w.t yang wajib

diagihkan oleh amil kepada asnaf yang berhak menerima agihan tersebut, sama ada ia berbentuk bantuan secara langsung atau tidak. Kaedah yang kedua adalah *Isti'ab* iaitu dana zakat wajib diagihkan kepada seluruh lapisan asnaf yang dinaskan dan keputusan oleh badan yang diberi tanggungjawab. Konsep pembahagian kepada asnaf mestilah merujuk kepada keperluan dan lebihan dana yang terkumpul.

Kaedah yang ketiga adalah ikhtisas yang mana dana zakat wajib diagihkan kepada lapisan asnaf di negeri zakat itu dikutip. Dana tersebut tidak dibenarkan dibawa keluar dari negeri asal kutipan, melainkan tiada asnaf yang berhak menerimanya atau disebabkan keperluan daruriyyat ummat setelah dirujuk kepada ijtihad. Kaedah yang keempat iaitu hak yang mana dana zakat yang terkumpul wajib diagihkan dengan segera berdasarkan keperluan semasa kepada setiap asnaf dalam bentuk fizikal atau manfaat. Sebarang kerosakan dan kehilangan kerana kecuaian wajib diganti dengan nilai yang setara. Pihak yang bertanggungjawab mengagihkan dana zakat wajib menyediakan polisi dan perancangan tahunan.

Seterusnya kaedah kelima adalah *Muraqabah* yang mana dana zakat yang diagihkan hendaklah dipantau dan dikawal. Setiap permohonan memerlukan siasatan yang rapi dan hendaklah disokong oleh dua orang saksi yang berwibawa di tempat tinggal pemohon. Setiap kelulusan agihan oleh pengurusan zakat hendaklah berdasarkan kepada ketaqwaan, keikhlasan, amanah, berhemah, ihsan dan bertanggungjawab. Kaedah keenam ialah kifayah yang mana dana zakat yang diagihkan kepada asnaf hendaklah berasaskan prinsip keperluan sebenar

asnaf dan pendapatan mereka tidak melebihi had kifayah sebagaimana yang telah disahkan melalui kajian pihak agihan zakat.

Kaedah agihan zakat yang ketujuh ialah *fawran*, pengurus zakat hendaklah memastikan peserta atau nama-nama asnaf yang berhak mendapat agihan zakat pada tahun agihan dengan tepat. Tindakan ini dapat mempercepatkan setiap agihan dan diberikan kepada asnaf yang sebenar. Kaedah yang kelapan, *istiqlal* yang mana semua dana zakat yang terkumpul hendaklah diasingkan daripada akaun-akaun lain. Kaedah yang kesembilan, *ihsa'* yang mana agihan yang diguna pakai telah melalui kajian, pemantauan dan mendapat bukti penerimaan daripada asnaf.

Kaedah yang seterusnya ialah kesepuluh adalah *tarshih*, para pembayar zakat diharuskan mencalonkan bakal penerima agihan zakat kepada amil. Pengurusan agihan zakat boleh mempertimbangkan pencalonan tersebut sama ada menyokong atau menolak. Kaedah agihan zakat yang kesebelas adalah keutamaan, setiap agihan mesti memberikan keutamaan agihan kepada fakir miskin dan amil sebelum diagih kepada asnaf yang lain. Kaedah agihan zakat yang kedua belas ialah *tamlík* yang mana agihan dana zakat hendaklah berkonsepkan hak milik sebenar kepada setiap asnaf.

Justeru itu, betul dan salah sesuatu urusan itu, kayu ukur mutlaknyanya ialah sejauh mana sesuatu perkara itu menepati dua kriteria, iaitu perintah Allah s.w.t dan pedoman yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w (Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2007). Begitu jugalah dalam urusan pengagihan dana zakat, kayu ukur

keberkesanan pengagihan tersebut bergantung kepada sejauh mana institusi zakat melaksanakan seperti mana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t dan sejauh mana mereka mengambil panduan daripada praktikal Rasulullah s.a.w dalam menguruskan zakat dan pengagihan dana zakat pada zaman pemerintahan baginda dan juga contoh metod yang dilaksanakan oleh sahabat-sahabat baginda, sehingga meletakkan Islam di mercu yang paling cemerlang daripada segenap aspek termasuklah dalam pelaksanaan pengurusan zakat itu sendiri.

Kaedah yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda tidak boleh dipandang remeh, malah kita perlu menjadikan ia sebagai asas dalam membentuk kaedah pembahagian dana zakat masa kini supaya ia lebih cekap dan berkesan. Tiada jalan yang lebih benar melainkan jalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w kerana Rasulullah s.a.w adalah kunci kepada kejayaan dunia dan akhirat.

2.7.1 Pengagihan Zakat Negeri Pulau Pinang

Pengurusan zakat negeri Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang. Tahun demi tahun kutipan zakat bagi negeri Pulau Pinang semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya yang mana kutipan zakat pada tahun 2009 mencatatkan sebanyak RM 47,952,153.34 begitu juga dengan pengagihan zakat kepada asnaf sebagai mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1:

Jadual 2.1 : Agihan Zakat Tahun 2009 Mengikut Ketagori Asnaf

Negeri Pulau Pinang

ASNAF	AGIHAN (RM)
Fakir	3,620,578.55
Miskin	22,411,287.08
Amil	4,980,236.06
Muallaf	844,830.29
Al-Gharimin	973,121.15
Ibnu Sabil	140,927.00
Fisabilillah	18,881,581.10
Jumlah	51,816,561.23

Sumber: Laporan Zakat 2009

Berdasarkan jadual tersebut juga menunjukkan agihan zakat melebihi hasil kutipan zakat tahunan. Namun, sejauhmana pengagihan zakat yang diagihkan kepada asnaf memberikan kesan positif kepada asnaf. Oleh itu penyelidik memilih Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) sebagai sampel kajian ini untuk mengukur keberkesanan bentuk pengagihan zakat kepada kumpulan ini.

2.7.2 Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ)

Kumpulan usahawan asnaf zakat dari perspektif Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang adalah satu kumpulan asnaf yang diberikan peluang pekerjaan mengikut kepakaran masing-masing yang mana memberikan perkhidmatan

dalam projek-projek yang diusahakan oleh Pusat Urus Zakat dan asnaf adalah pembantu kepada projek tersebut dengan diberikan gaji bulanan berdasarkan jenis kepakaran yang ada (PUZ negeri Pulau Pinang, 2011). Namun demikian, di negeri Pulau Pinang KUAZ ini lebih dikenali sebagai gerak asnaf. Penyelidik mengkategorikan gerak asnaf ini sebagai KUAZ adalah kerana terdapat ciri-ciri persamaan bagi KUAZ yang diwujudkan oleh Lembaga Zakat Selangor.

Di bawah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Usahawan, Pusat Urus Zakat (PUZ) terdapat lima projek yang melibatkan kumpulan usahawan asnaf zakat (KUAZ) iaitu terdiri daripada projek PUZ-Mart, bengkel masakan, bengkel jahitan, Atrium dan bengkel kraf. Dalam projek-projek ini, PUZ bertindak memberikan modal dan segala urusan yang berkaitan projek-projek tersebut diserahkan kepada asnaf yang bertindak sebagai pekerja di dalam setiap projek tersebut dan asnaf ini akan dibayar gaji bulanan atau elaun bulanan di atas perkhidmatan mereka. Manakala segala keuntungan akan dimasukkan ke dalam setiap akaun projek yang dijalankan (PUZ negeri Pulau Pinang, 2011).

Namun setakat ini, menurut PUZ projek yang dijalankan belum memberikan keuntungan kerana keuntungan yang diperolehi lebih kecil berbanding kos tetap operasi projek berkenaan (PUZ negeri Pulau Pinang, 2011).

Sebenarnya, projek-projek ini diuruskan oleh PUZ dan modal tidak diberikan sendiri kepada asnaf-asnaf tersebut malah modal tersebut diuruskan oleh PUZ secara keseluruhannya. Modal yang digunakan untuk semua projek-projek ini adalah daripada dana zakat negeri Pulau Pinang. Melalui projek ini asnaf ini hanya bertindak sebagai pekerja dan membantu dari sudut pengurusan sahaja. Bagi projek bengkel masakan dan kraf mereka akan dibayar mengikut jumlah hari dan jam mereka bekerja yang berjumlah dalam lingkungan RM20 sehari atau RM 2.50 sejam. Hal ini bermaksud, mereka ini tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Manakala bengkel jahitan pula, asnaf akan di bayar gaji berdasarkan jumlah pakaian yang dijahit dan ini juga menjadikan pendapatan asnaf ini tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap (PUZ Pulau Pinang, 2011).

Berbeza pula dengan projek Atrium dan juga PUZ-Mart kerana asnaf-asnaf yang bekerja di bawah projek ini diberikan gaji bulanan yang tetap (PUZ Pulau Pinang, 2011). Namun gaji yang diberikan masih tidak mampu menampung kos sara hidup mereka, memandangkan kos sara hidup bagi negeri Pulau Pinang adalah tinggi.

2.8 Elemen-elemen yang Boleh Mengukur Keberkesanan Pengagihan Zakat

Pengagihan dana zakat adalah salah satu daripada tugas amil atau institusi zakat yang perlu dilaksanakan, malah apa yang lebih penting lagi adalah sistem pengagihan yang bukan sekadar mengagihkannya kepada asnaf, akan tetapi juga

mengambil perhatian tentang keberkesanan pengagihan dana zakat yang telah dilaksanakan. Ilmu pengurusan Islam menjelaskan bahawa pengurusan Islam adalah pengurusan yang mempunyai kawalan yang mana setiap urusan atau tugas yang dilaksanakan perlulah diselia atau dibuat kawalan supaya apa yang telah dilaksanakan akan mencapai objektif serta matlamat organisasi (Asmadi Mohamed, 2008).

Begitu jugalah keadaannya tentang kedudukan pengurusan zakat dalam menjamin pelaksanaan yang lebih berkesan dan mencapai objektif institusi zakat serta apa yang lebih penting lagi adalah mencapai objektif pensyariatan zakat. Sekiranya institusi zakat atau amil mampu mengukur dan mengenalpasti keberkesanan atau kegagalan terhadap pengagihan yang telah dilaksanakan, maka sudah pasti masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan pengagihan dana zakat dapat diselesaikan dengan segera. Sekiranya kegagalan pengagihan zakat yang telah dilaksanakan kepada asnaf telah dikenalpasti, hal ini akan memberikan peluang kepada pihak institusi zakat untuk mengenalpasti kaedah yang terbaik untuk menjadikan pengagihan zakat lebih efektif. Manakala sekiranya pengagihan dana zakat yang telah dilaksanakan berkesan maka pihak institusi zakat boleh meneruskan pengagihan dana zakat dengan kaedah yang sedia ada.

Namun persoalannya, bagaimanakah cara untuk mengukur sistem pengagihan zakat yang telah dilaksanakan, sama ada berkesan ataupun tidak dan apakah elemen-elemen yang boleh mengukur keberkesanan pengagihan dana zakat terhadap asnaf. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik cuba merungkai persoalan ini dengan mengambil kira elemen seperti ekonomi asnaf, kualiti hidup dan juga

tahap kerohanian atau spiritual asnaf selepas menerima bantuan zakat dalam mengukur keberkesanan pengagihan dana zakat terhadap asnaf.

2.8.1 Ekonomi

Melalui bantuan zakat, golongan penerima zakat khususnya golongan fakir dan miskin dapat membebaskan diri dari belenggu kemiskinan dan kemelantaran yang seterusnya akan meninggikan maruah ummat Islam. Zakat juga merupakan sistem jaminan sosial yang termaktub dalam fardhu kifayah. Hal ini bermaksud sekiranya terdapat anggota masyarakat yang tidak mencukupi keperluan asasny seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, maka menjadi tanggungjawab seluruh anggota masyarakat membantu. Namun sekiranya tidak dilaksanakan tanggungjawab tersebut kesemua mereka akan menanggung musibahnya. Hal ini dinukilkan dalam hadith Rasulullah s.aw yang bermaksud:

“ Tidak beriman kepadaKu sesiapa yang tidur kekenyangan sedangkan dia mengetahui jiran di sebelahnya kelaparan.”
(Hadith Riwayat Al-Bazzar)

Secara fitrahnya Allah s.w.t telah menjadikan dua golongan yang mana satu golongan itu dilebihkan dengan kekayaan dan satu golongan lagi kurang kekayaan hartanya. Fitrah kejadian ini adalah adalah satu penciptaan yang mewujudkan saling melengkapi antara golongan kaya dan miskin yang mana di dalam harta golongan yang kaya itu ada hak golongan yang miskin. Oleh itu segala bentuk kekayaan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t di dunia

ini tidak boleh hanya tertumpu kepada satu golongan yang tertentu sahaja. Sebaliknya, ia perlulah beredar dalam kalangan semua ahli masyarakat (Patmawati Ibrahim, 2008).

Konsep keadilan dalam Islam tidak bermaksud keadilan seperti fahaman komunisme yang menyamaratakan pendapatan individu dan tidak memberikan hak kepada individu untuk mengecapi kemewahan hasil daripada usahanya (Rif'at Abd. Latif Masyhur, 2002). Keadilan dalam Islam adalah dengan memberikan hak kepada yang berhak sepertimana golongan miskin berhak untuk menerima zakat daripada harta golongan yang kaya kerana di dalam kekayaan golongan tersebut ada hak yang telah ditetapkan Allah s.w.t terhadap golongan miskin.

Islam memberikan pengiktirafan yang sepenuhnya kepada hak milik individu ke atas sesuatu harta. Namun demikian, Islam juga amat mementingkan kesejahteraan umum. Bagi menjaga keseimbangan ini, Islam telah menjadikan ibadah zakat sebagai ikon kepada tuntutan keseimbangan dan perkongsian kekayaan tadi. Justeru itu, zakat merupakan salah satu rukun Islam yang setara dengan *syahadatain*. Sekiranya solat merupakan ritual yang melambangkan hubungan seorang hamba dengan Tuhannya, maka zakat pula melambangkan penekanan Islam kepada keseimbangan sosio-ekonomi di kalangan ummah (Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2007).

Kepentingan dan ketinggian kedudukan zakat dalam Islam dapat dilihat melalui ketegasan Abu Bakar Al-Siddiq r.a yang memerangi golongan yang ingkar menunaikan zakat, sama dengan ketegasannya dalam memerangi golongan murtad. Selain itu, Islam juga amat mementingkan kesejahteraan ummah untuk hidup secara kolektif. Melalui zakat diterapkan konsep bahawa dalam pemilikan mutlak individu ada hak ummah yang telah difardhukan oleh Allah s.w.t (Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2007) dalam firman-Nya:

Maksudnya: “ Dan pada harta-harta mereka, (ada) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).”

(Terjemahan surah Az-Zaariyaat 51:19)

Menurut Patmawati Ibrahim (2008) Islam menerima bahawa adanya ketidakseimbangan agihan pendapatan disebabkan oleh manusia itu tidak sama secara fitrahnya dari segi tingkah laku, kepakaran dan sumbangan mereka terhadap masyarakat. Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampuan lagi Maha Penyayang.”

(Terjemahan surah al-An'aam, 6:165)

Syeikh Imam al-Qurthubi telah menghuraikan maksud ayat ini di dalam tafsirnya iaitu Tafsir al-Qurthubi bahawa apa yang dimaksudkan dengan “Dia meninggikan sebahagian (yang lain),” adalah bermaksud dalam

hal penciptaan, rezeki, kekuatan, kelapangan, keistimewaan dan ilmu dengan beberapa darjat yang mana bagi orang yang diberikan kelebihan rezeki, diuji dengan kekayaannya dan diminta bersyukur. Manakala orang yang hidup dalam kesempitan diuji dengan kefakiran dan diminta bersabar.

Namun demikian, keperluan asas setiap individu adalah terjamin dalam sebuah kerajaan Islam. Maka di sinilah zakat memainkan peranan sebagai mekanisme agihan semula pendapatan dan kekayaan. Pelaksanaan zakat ini adalah untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan dan mengelakkan daripada berlakunya penumpuan harta di kalangan golongan tertentu sahaja dalam masyarakat. Melalui zakat jurang agihan pendapatan dalam masyarakat akan dapat dirapatkan kerana zakat itu sendiri telah menyediakan mekanisme di mana sumber-sumber yang ada dalam kalangan masyarakat akan dapat diagihkan kepada golongan miskin dan yang memerlukan (Patmawati Ibrahim, 2008).

Kajian empirikal yang dijalankan oleh Ismail Salleh dan Rogayah Ngah, yang mengkaji kesan zakat terhadap agihan pendapatan di empat buah negeri di Malaysia iaitu Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu bagi tahun 1978. Hasil kajian mereka mendapati zakat yang dipungut di Malaysia mampu memperbaiki agihan pendapatan kasar dalam kalangan para pengeluar padi.

Kajian lain yang berkaitan kesan zakat terhadap agihan pendapatan telah dilaksanakan oleh Patmawati Ibrahim yang mengkaji tentang kesan agihan zakat terhadap agihan pendapatan dalam kalangan para penerima agihan dana zakat dari fakir dan miskin di Selangor. Hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa mengikut indeks Gini-Coefficient, agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin. Hasil kajian beliau mencadangkan supaya kaedah agihan zakat diperbaiki dengan menggunakan had kifayah sebagai pendapatan garis kemiskinan serta mengambilkira lokasi penerima sama ada bandar atau luar bandar dan juga kedudukan kewangan penerima agihan. Jumlah bantuan yang diberikan mestilah menyamai atau lebih dari jurang kemiskinan berdasarkan had kifayah.

2.8.2 Kualiti Hidup

Pendidikan merupakan satu keperluan kepada setiap individu kerana dengan pendidikanlah setiap individu itu mendapat ilmu yang belum diketahuinya atau mendapatkan kepakaran yang sebelum ini belum dipertajamkan. Oleh itu dengan pendidikan mereka dapat mengubah hidup mereka daripada kehidupan yang dibelenggu kemiskinan kepada kehidupan yang lebih selesa. Islam juga telah menjelaskan tentang kepentingan ilmu dan kepentingan pendidikan.

Menurut Mohamad Bin Yusuf (2011) telah membincangkan kepentingan pendidikan dalam membantu pembangunan ekonomi di

Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa ummat Islam mestilah mengambil berat tentang pendidikan kerana negara yang hebat adalah negara yang mempunyai kualiti modal insan yang tinggi. Hal ini bermaksud sekiranya seseorang itu mempunyai pendidikan maka secara automatik ia akan dapat meningkatkan kualiti hidup mereka ke peringkat yang lebih baik dan kepada hidup yang lebih berkualiti serta secara tidak langsung individu tersebut akan menjadi salah seorang pengeluar zakat.

Dalam ajaran Islam, pendidikan memiliki kedudukan yang sangat penting kerana manusia sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi memikul tugas dan tanggungjawab yang cukup berat. Oleh karena itu, agar manusia mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan baik diperlukan sikap yang berkualiti dan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan kehendak Allah s.w.t. Hal itu hanya dapat dipenuhi melalui proses pendidikan. Proses pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan peranan akal. Pentingnya pendidikan dalam pandangan Islam berkaitan erat dengan penggunaan akal, hati, dan pancaindera untuk berfikir dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Pendidikan penting kerana hanya dengan proses pendidikanlah manusia dapat menjadi manusia yang mulia, melalui daya potensi dasar dan kurniaan yang telah diberikan Allah s.w.t. Apabila pendidikan diabaikan, manusia akan kehilangan jati dirinya (<http://www.scribd.com/doc/21944485/Pentingnya-Pendidikan-Menurut-Pandangan-Islam>, dicapai pada 24 April 2011).

2.8.3 Kerohanian

Kekuatan kerohanian merupakan kekuatan hubungan seseorang dengan Allah s.w.t sebagai Penciptanya dan sejauh mana sah dan tepatnya seseorang itu memahami erti hidup dan tujuan kewujudannya. Manakala takwa merupakan satu elemen kerohanian (Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2007).

Islam sememangnya menggalakkan ummatnya berusaha untuk mencari kekayaan kerana dengan kekayaan yang diperolehi dapat membangunkan diri sendiri dan dapat membantu orang yang memerlukan. Manakala kemiskinan pula akan menyukarkan kehidupan, membebankan pemerintah seterusnya menghalang kemajuan. Rasulullah s.a.w pernah mengingatkan kepada ummatnya bahawa kemiskinan boleh membawa kepada kekufuran. Peringatan ini secara jelas menunjukkan bahawa kemiskinan boleh menggugat keimanan seseorang (Ab. Rahim Zakaria, 2007).

Melalui zakat atau pengagihan zakat yang sempurna akan dapat membersihkan dan menghilangkan perasaan marah dan sifat hasad dengki di kalangan golongan miskin yang hidup melarat terhadap golongan kaya yang memiliki harta yang banyak. Kesannya, golongan miskin akan terasa terhutang budi dan menghormati golongan kaya yang berbudi melalui sistem zakat (Abg. Mohd Shibi Abg. Mohd Nailie, 2008).

Selain itu, zakat juga mampu mengurang masalah sosial seperti kecurian, ancaman keselamatan, pelacuran, penipuan dan rasuah. Hal ini adalah kerana hak mereka terjaga dan nasib mereka terbela dengan bantuan zakat. Dengan bantuan zakat ini telah menghalang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar dan menambahkan iman mereka dan mententeramkan jiwa mereka yang dalam kesempitan hidup (Abg. Mohd Shibi Abg. Mohd Nailie, 2008).

BAB KETIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan rangka kerja penyelidikan, bentuk penyelidikan, populasi dan persampelan, pengumpulan data dan analisis data. Kaedah penyelidikan yang dijalankan akan dijelaskan secara terperinci dalam bab ini. Tujuan bentuk penyelidikan ini adalah bagi menyediakan gambaran secara jelas dan huraian lengkap langkah-langkah spesifik yang diambil dalam penyelidikan ini. Tiga hipotesis telah ditetapkan dari model berdasarkan analisis karya.

3.2 Reka Bentuk Kajian

3.2.1 Jenis Pengkajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif, di mana data primer diperolehi melalui borang soalan kaji selidik. Manakala data sekunder, diperolehinya melalui buku, jurnal, serta artikel melalui internet daripada Universiti Utara Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Malaysia dan juga Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang.

3.2.2 Jenis Kajian

Penyelidik menggunakan peralatan deskriptif yang mana kajian ini melibatkan pengumpulan data dalam usaha untuk menguji hipotesis atau

jawapan persoalan yang berkaitan dengan subjek-subjek kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana dalam pendekatan kuantitatif ini ia mempunyai data dalam bentuk empirikal. Melalui pendekatan ini, pengumpulan data-data kajian biasanya melalui soalan kaji selidik, temuramah atau melalui pemerhatian. Namun dalam kajian ini penyelidik menggunakan metod soalan kaji selidik untuk menggumpulkan data-data kajian yang berkaitan.

3.2.3 Dimensi Masa

Kajian ini menggunakan *cross-sectional study* untuk penyelidik mendapatkan pelbagai jenis data daripada populasi sepanjang pemerhatian dibuat.

3.2.4 Persekitaran Penyelidikan kajian


Kajian ini menggunakan kajian lapangan di bawah *causal nature* dalam usaha untuk mengkaji sama pembolehubah bebas mempunyai hubungan dengan pembolehubah bersandar.

3.3 Kerangka Teoritik

Kerangka kerja teoritik merupakan model konseptual perhubungan di antara pelbagai faktor yang telah dikenalpasti penting kepada masalah. Setelah menyelesaikan ulasan karya dan mentakrifkan masalah kajian, kerangka kerja teoritik telah dibentuk. Melalui ulasan karya, penyelidik telah mengenalpasti

bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga elemen yang dapat mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf iaitu tahap ekonomi asnaf, kualiti hidup dan juga tahap kerohanian asnaf. Hubungan pembolehubah-pembolehubah ini telah ditunjukkan dalam gambarajah 3.1.

Gambarajah 3.1 : Kerangka Kerja Konseptual



3.4 Pembolehubah Kajian

Pembolehubah bersandar adalah menjadi perhatian utama untuk penyelidik memahami dan menghuraikan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf kerana ukuran keberkesanan pengagihan zakat bergantung kepada pembolehubah-pembolehubah yang lain. Pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar sama ada secara positif atau negatif (Ahmad Shuib,

2007). Menjadi perhatian penyelidik yang seterusnya adalah pembolehubah bebas iaitu terdiri daripada ekonomi, kualiti hidup dan kerohanian asnaf.

3.5 Senarai Hipotesis Kajian

Kajian membentuk hipotesis berdasarkan kerangka kerja teoritikal. Hipotesis ialah satu kenyataan yang boleh diuji hubungan antara dua atau lebih pembolehubah (Ahmad Shuib, 2007). Hipotesis dibentuk melalui kerangka kerja teoritikal. Terdapat tiga hipotesis yang telah dibentuk seperti di bawah:

- a) Ho- Pengagihan zakat terhadap asnaf tidak memberi kesan yang positif kepada ekonomi asnaf.
H1- Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada ekonomi asnaf.
- b) Ho- Pengagihan zakat terhadap asnaf tidak memberi kesan yang positif kepada kualiti hidup asnaf.
H1- Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada kualiti hidup asnaf.
- c) Ho- Pengagihan zakat terhadap asnaf tidak memberi kesan positif kepada kerohanian asnaf.
H1- Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada kerohanian asnaf.

3.6 Ujian Rintis (*Pilot Test*)

Penyelidik memilih 10 orang responden untuk menjalankan ujian rintis daripada projek keusahawanan yang berbeza-beza. Untuk menguji kebolehpercayaan (*reliability*), *Cronbach's alpha* telah digunakan.

Cronbach's alpha berfungsi untuk mengukur sebaik mana set bagi item-item (pembolehubah) mengukur satu bentuk ekadimensi yang tersembunyi. Apabila data mempunyai struktur multidimensi, *Cronbach's alpha* biasanya akan menjadi rendah. Dari segi teknik bercakap, *Cronbach's alpha* bukan satu ujian statistik. Ia adalah pekali (coefficient) bagi kebolehpercayaan atau kekonsistenan (Pallant, 2001).

Nilai keseluruhan *Cronbach's alpha* bagi instrumen yang telah digunakan dalam ujian rintis ialah 0.900. Nilai ini diterima dan boleh dikatakan *reliable* bagi ujian rintis ini iaitu hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan (Ary, Jacobs, & Razavieh, 1990). Nilai *Cronbach's alpha* untuk setiap item ditunjukkan dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Nilai *Cronbach's Alpha*

	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
E1	40.667	0.724	0.886
E2	42.844	0.694	0.888
E3	41.122	0.790	0.882
E4	42.267	0.681	0.889
E5	41.956	0.527	0.901
Q1	39.067	0.926	0.873
Q2	37.567	0.895	0.874

Q3	40.767	0.848	0.879
S1	49.378	0.234	0.908
S2	48.456	0.287	0.907
S3	49.378	0.234	0.908
Economic	1.641	0.611	0.379
Quality of Life	1.009	0.819	-0.047
Spiritual	3.005	0.142	0.882

3.7 Jenis Analisis

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan semua analisis bagi profil demografi, statistik deskriptif dan juga statistik inferensi sebagai permulaan bagi analisis kajian.

3.7.1 Analisis Statistik

i. Profil Demografi

Profil demografi pada dasarnya adalah tentang kumpulan-kumpulan bagi kegunaan seseorang untuk meneroka secara terperinci tentang latar belakang responden. Penyelidik mengkaji tentang jantina, umur, status perkahwinan, bilangan isi rumah dan pendapatan bulanan.

ii. Statistik Deskriptif

Dalam statistik deskriptif, kajian menggunakan min dan sisihan piawaian pembolehubah bebas. Nilai tersebut digunakan untuk memahami keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf di negeri Pulau Pinang.

iii. Statistik Inferensi

Statistik inferensi merupakan proses untuk melakarkan maklumat daripada pemerhatian sampel bagi populasi dan membuat kesimpulan tentang populasi. Dengan menggunakan statistik inferensi, kajian menguji hipotesis dengan menggunakan *One-sample t test statistics* untuk mengkaji hubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

3.7.2 Peralatan Analisis

Dalam kajian ini, *Statistical Package for Social Science (SPSS)* perisian telah digunakan oleh penyelidik dalam usaha untuk membangunkan data daripada keputusan bagi soalan kaji selidik dan analisis.

BAB KEEMPAT

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penyelidik mengemukakan analisis data yang telah dibuat menggunakan pakej *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 16.0. Hasil kajian yang dilaporkan menggunakan ujian-ujian statistik iaitu analisis kekerapan, Kebolehpercayaan (*Reliability*) dan juga *One-sample t test Statistics*. Keputusan yang didapati telah menjawab soalan kajian dan hipotesis-hipotesis kajian yang telah dibentuk.

4.2 Pengumpulan Data

4.2.1 Pendekatan Pengumpulan Data

Data primer adalah data yang dikumpulkan melalui sumber yang asal, biasanya terus daripada target populasi. Data boleh dikumpulkan melalui pengedaran borang soalselidik dan juga pemerhatian. Untuk tujuan kajian ini, data primer dikumpulkan melalui pengedaran borang soalselidik.

Sumber data sekunder adalah data yang dikumpulkan selain daripada sumber data primer. Untuk kajian ini, sumber data sekunder telah dihuraikan secara terperinci dalam ulasan karya Bab Kedua. Ulasan karya tersebut adalah daripada data yang diperolehi daripada buku, jurnal, serta artikel melalui internet daripada Universiti Utara Malaysia, Jabatan

Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Malaysia dan juga Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang.

4.2.2 Jenis-jenis Data

Kedua-dua jenis data primer dan sekunder telah digunakan dalam kajian ini. Data primer telah dibentangkan dalam Bab Keempat, manakala data sekunder dibentangkan dalam Bab Kedua.

4.3 Reka Bentuk Persampelan

4.3.1 Populasi dan Sampel

Terdapat seramai 115 orang ahli Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) yang menjalankan projek yang berorientasikan perniagaan di negeri Pulau Pinang di bawah seliaan Pusat Urus Zakat (PUZ) negeri Pulau Pinang. Untuk mencapai tujuan kajian ini, hanya 60 orang asnaf sahaja dipilih daripada ahli KUAZ iaitu populasi kajian.

4.3.2 Prosedur Pemilihan Sampel

Penyelidik menggunakan pendekatan persampelan kebarangkalian, di mana teknik persampelan secara rawak mudah (*simple random sampling technique*) telah dipilih untuk menentukan sampel kajian. Teknik ini digunakan kerana kajian ingin mengetahui keputusan daripada pengumpulan dengan mengedarkan borang soal selidik.

4.3.3 Saiz Sampel

Penyelidik memutuskan untuk mengikuti kebiasaan peraturan bagi menentukan saiz sampel. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Roscoe (1975), saiz sampel yang sesuai bagi kebanyakan kajian adalah di antara 30 hingga 500 sampel. Dalam kajian ini, 60 sampel telah digunakan.

4.4 Instrumen kajian

Soalan kaji selidik telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan ulasan karya yang telah dibuat dalam Bab Kedua. Borang kaji selidik tersebut mempunyai 16 soalan yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi soalan yang berkaitan mengukur keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf melalui pembolehkan bebas dalam bahagian tersebut.

Skala pengukuran yang digunakan dalam soalan kaji selidik ini terdiri daripada skala nominal (2 soalan dalam Bahagian A), ratio (3 soalan dalam Bahagian A), skala likert (11 soalan dalam Bahagian B).

Soalan-soalan dalam Bahagian B terbahagi kepada 3 pembolehkan bebas. Terdapat 5 soalan yang berkaitan dengan tahap ekonomi asnaf (E), 3 soalan bagi tahap kualiti hidup asnaf (Q), dan 3 soalan bagi tahap kerohanian asnaf (S).

Nilai *Cronbach's alpha* bagi setiap item ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Daripada nilai tersebut kita boleh mencatatkan sebaik mana item-item dalam set tersebut berkorelasi antara satu sama lain secara positif. Nilai yang semakin hampir kepada 1, kebolehpercayaan konsistensi dalaman adalah semakin tinggi (Sekaran, 2003). Nilai keseluruhan bagi *Cronbach's alpha* bagi instrumen ialah 0.905. Berdasarkan Sekaran (2003), instrumen ini adalah boleh dipercayai (*reliable*).

Jadual 4.1: Analisis Kebolehpercayaan (*Reliability*)

	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
E1	95.366	0.751	0.946
E2	95.587	0.765	0.945
E3	99.099	0.735	0.946
E4	99.223	0.826	0.943
E5	96.559	0.770	0.945
Q1	98.429	0.774	0.944
Q2	98.658	0.842	0.942
Q3	95.813	0.844	0.942
S1	99.962	0.813	0.943
S2	103.732	0.655	0.948
S3	98.475	0.768	0.945
Economic	3.885	0.804	0.872
Quality of Life	3.778	0.849	0.831
Spiritual	4.385	0.787	0.886

4.5 Ringkasan Analisis Data

4.5.1 Profil Demografi

Jadual 4.2 menunjukkan analisis latarbelakang bagi sampel yang digunakan. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 13 orang (21.7%) jantina lelaki daripada seramai 60 orang responden dan seramai 47 orang

(78.3%) responden adalah perempuan. Responden yang berumur 24 tahun dan ke bawah adalah seramai 8 orang (13.3%), 25-34 tahun seramai 8 orang (13.3%), 35-44 tahun seramai 14 orang (23.3%) dan bilangan responden yang berumur 45 tahun dan ke atas adalah seramai 30 orang (50.0%). Seramai 22 orang (36.7%) responden yang berstatus sudah berkahwin, 3 orang (5.0%) responden bercerai, seramai 20 orang (33.3%) responden yang berstatus janda dan 15 orang (20%) responden adalah bujang atau belum berkahwin. Manakala bagi bilangan isi rumah, seramai 3 orang (5.0%) mempunyai 2 bilangan isi rumah, 16 orang (26.7%) mempunyai 3 bilangan isi rumah, seramai 17 orang (28.3%) mempunyai 4 bilangan isi rumah dan seramai 24 orang (40.0%) mempunyai bilangan isi rumah 5 dan ke atas. Bagi pendapatan bulanan responden, seramai 12 orang (20.0%) tidak mempunyai pendapatan tetap, responden yang berpendapatan RM 100 – RM 250 sebulan adalah seramai 3 orang (5.0%), seramai 1 orang (1.7%) yang berpendapatan sebanyak RM 251 – RM 350 sebulan dan seramai 44 orang (73.3%) yang berpendapatan antara RM 350 dan ke atas.

Jadual 4.2 : Analisis Profil Demografi

	Frequency	Percentage (%)
Gender		
Male	13	21.7
Female	47	78.3
Age		
24 and below	8	13.3
25-34	8	13.3
35-44	14	23.3
45 and above	30	50.0
Marital Status		
Married	22	36.7
Divorced	3	5.0

Widow	20	33.3
Single	15	25.0
No. of household member		
2	3	5.0
3	16	26.7
4	17	28.3
5 and above	24	40.0
Monthly Income		
No fixed income	12	20.0
RM 100- RM 250	3	5.0
RM 251 – RM 350	1	1.7
RM 350 and above	44	73.3

4.5.2 Analisis Statistik Deskriptif

Jadual 4.3: Min dan Sisihan Piawaian Untuk Pembolehubah Bebas

	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Economic	1.00	5.00	2.9667	1.10786
Quality of Life	1.00	5.00	3.2278	1.10212
Spiritual	1.33	5.00	3.7111	0.98857

Berdasarkan jadual 4.3 , keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf secara umumnya adalah positif kecuali ekonomi yang menghampiri positif. Daripada 3 pembolehubah bebas, 2 di antaranya mencatatkan nilai yang positif iaitu 3.9667 bagi nilai min pembolehubah bebas kualiti hidup (*quality of life*) dan 3.7111 bagi pembolehubah bebas kerohanian (*spiritual*). Manakala ekonomi (*economic*) menghampiri positif dengan nilai 2.9667.

4.5.3 Analisis Statistik Inferensi

Jadual 4.4 : One-sample t test Statistics

IV	T-test (2-tailed)
Economic	2.9667
Quality of Life	3.2278
Spiritual	3.7111

Daripada output *One-sample t-test* dalam rajah 4.1 menunjukkan min bagi pembolehubah bebas ekonomi (*economic*) menghampiri positif iaitu 2.9667. Hal ini menunjukkan kajian ini gagal untuk menolak H_0 . Ia juga menunjukkan pembolehubah ekonomi itu tidak sah. Min pembolehubah bebas bagi kualiti hidup (*quality of life*) pula adalah positif iaitu 3.2278. Ini bermakna kajian ini berjaya menolak H_0 dan menerima H_1 . Manakala min bagi pembolehubah bebas Kerohanian (*spiritual*) adalah positif iaitu 3.7111 dan kajian ini berjaya menolak H_0 serta menerima H_1 .

4.6 Dapatan Kajian

Daripada analisis data yang telah dibuat, penyelidik mendapati asnaf yang paling ramai terlibat dalam projek KUAZ ini adalah golongan perempuan. Asnaf yang terlibat dalam projek ini juga terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang bermula daripada peringkat umur 24 tahun dan ke bawah sehingga ke peringkat umur 45 tahun ke atas. Namun asnaf yang berada di peringkat

umur 45 tahun dan ke atas adalah paling ramai yang terlibat dalam projek KUAZ. Manakala asnaf yang berstatus ibu tunggal dan berkahwin adalah paling ramai menyertai projek tersebut. Asnaf ini juga, majoritinya mempunyai pendapatan tetap RM 350 dan ke atas sebulan.

Secara keseluruhannya pengagihan zakat telah memberikan kesan yang baik kepada asnaf seperti berkesan daripada sudut tahap kualiti hidup dan tahap kerohanian. Namun hanya satu elemen yang kurang berkesan iaitu tahap ekonomi asnaf adalah tidak berkesan.

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan dan positif di antara tahap ekonomi asnaf, kualiti hidup dan kerohanian asnaf dengan keberkesanan pengagihan zakat. Kesemua elemen tersebut menentukan sama ada pengagihan zakat tersebut berkesan atau sebaliknya. Keputusan ujian hipotesis kajian adalah seperti berikut:

Hipotesis 1: Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada ekonomi asnaf.

Keputusan : Ditolak

Hipotesis 2: Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada kualiti hidup asnaf.

Keputusan : Diterima

Hipotesis 3: Pengagihan zakat terhadap asnaf telah memberi kesan yang positif kepada kerohanian asnaf.

Keputusan: Diterima

BAB KELIMA

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat perbincangan dapatan kajian berkaitan keberkesanan pengagihan zakat terhadap asnaf negeri Pulau Pinang. Seterusnya penyelidik akan mengemukakan beberapa cadangan untuk *masalah* ummat Islam umumnya dan para asnaf khususnya dan bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, penyelidik mendapati pengagihan zakat yang telah dilaksanakan oleh Puzat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang adalah berkesan kerana ia memberikan kesan yang positif kepada tahap kualiti hidup asnaf dan juga tahap kerohanian asnaf. Namun demikian, pengagihan zakat yang telah dilaksanakan oleh PUZ tidak memberi kesan yang positif kepada tahap ekonomi asnaf.

Melalui temubual yang dibuat secara tidak formal oleh penyelidik semasa mengedarkan borang soalan kaji selidik kepada asnaf, penyelidik mendapati hampir keseluruhan asnaf yang ditemubual tidak berpuas hati dengan pendapatan yang diperolehi daripada projek tersebut. Mereka menghabiskan masa dengan bekerja sepanjang hari, contohnya di bengkel masakan, jahitan dan juga kraf,

namun pendapatan yang diperolehi tidak dapat menampung kos kehidupan seharian mereka dan kebanyakan asnaf-asnaf ini adalah dari golongan yang sudah berusia. Pendapatan tersebut sekiranya dapat menampung keperluan harian pun mungkin hanya dapat menampung separuh daripada kos kehidupan mereka.

Namun demikian, hal ini bertentangan dengan dapatan kajian yang diperolehi. Melalui perhatian penyelidik, para asnaf ini mengisi borang soal selidik dalam keadaan tidak amanah kepada diri sendiri kerana mereka takut kepada penyelia yang berada di setiap bengkel atau projek kerana berdasarkan apa yang mereka luahkan dengan apa yang mereka isi dalam borang soal selidik adalah tidak sama. Mereka juga bimbang sekiranya pihak PUZ mengkategorikan mereka sebagai asnaf yang tidak tahu bersyukur. Tapi itu mungkin hanya anggapan mereka sahaja, kerana mereka takut kehilangan sumber pendapatan walaupun tidak seberapa. Namun sebenarnya mereka boleh bersuara supaya PUZ mengambil tindakan yang sewajarnya.

Penemuan yang paling mengejutkan, para asnaf yang bekerja di bawah bengkel masakan, jahitan dan kraf memberitahu bahawa gaji mereka telah tertunggak hampir sebulan dan hal ini tidak sepatutnya berlaku dalam pengurusan zakat. Jika difikirkan secara waras, mereka adalah golongan yang memerlukan bantuan dan hidup dalam kesempitan, sekiranya ini berlaku maka ia akan menambah kesempitan hidup asnaf dan menjadi persoalan kenapa ini terjadi sedangkan institusi zakat adalah institusi yang sepatutnya membela golongan yang memerlukan bukan sebaliknya.

Melalui temubual secara tidak formal yang telah dibuat secara keseluruhannya, para asnaf tidak berpuas hati dengan tahap gaji yang diberikan termasuk juga asnaf yang bekerja di PUZ-Mart dan juga Atrium. Menurut salah seorang penyelia PUZ-Mart, gaji bulanan yang diberikan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat ditambah pula bagi yang sudah berkeluarga dan mencadangkan supaya PUZ menaikkan gaji mereka kepada tahap yang lebih tinggi dengan mengambil kira kos sara hidup setempat.

Melalui kajian yang telah dijalankan projek yang dilaksanakan oleh PUZ adalah boleh dikategorikan sebagai pelaburan dana zakat kerana modal yang digunakan oleh semua projek tersebut adalah daripada dana zakat. Oleh itu, sebelum PUZ melaksanakan pelaburan dana zakat, PUZ perlulah memenuhi syarat-syarat tertentu supaya pelaburan yang dilaksanakan tidak terkeluar daripada garis yang ditentukan oleh syariat.

Keharusan amil atau institusi zakat melaburkan dana zakat mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang perlu dipenuhi atau dipatuhi oleh amil atau institusi zakat sebelum dan selepas pelaburan dibuat. Antaranya ialah mengutamakan agihan kepada keperluan asas para asnaf terlebih dahulu dan tidak lewat-lewatkan agihan dengan alasan bahagian asnaf hendak dilaburkan terlebih dahulu. Oleh itu institusi zakat tidak boleh melaburkan dana zakat sekiranya keperluan asas asnaf tidak dipenuhi terlebih dahulu dan tidak boleh lewat-lewatkan pengagihan zakat kepada asnaf kerana semata-mata dana zakat tersebut ingin dilaburkan. Kelewatan pengagihan zakat hanya dibolehkan

sekiranya terdapat keperluan dan *masalah* kepada asnaf (Mujaini Tarimin, 2005).

Pelaburan yang ingin dibuat mestilah yang benar-benar boleh memberi keuntungan kepada asnaf. Oleh itu, pelaburan tidak harus dilakukan dalam projek-projek yang tidak dapat dikenalpasti potensinya dalam memberi keuntungan kepada asnaf. Selain itu, pelaburan yang diceburi mestilah kegiatan pelaburan yang halal dan diharuskan syarak. Oleh itu, tidak harus melaburkan dana zakat dalam kegiatan yang diharamkan oleh syarak seperti membuat pelaburan dalam perkilangan arak kerana arak adalah salah satu minuman yang diharamkan oleh Islam (Mujaini Tarimin, 2005).

Skim pelaburan yang akan menggunakan bahagian asnaf mestilah dibuat kajian dan dibuktikan kebaikannya terlebih dahulu sebelum memilih skim pelaburan tersebut. Hal ini adalah untuk mengelakkan kerugian yang berkemungkinan besar akan berlaku sekiranya skim pelaburan yang dipilih tidak mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan kebaikan atau keuntungan kepada asnaf. Pelaburan tersebut juga mestilah dipantau oleh ahli lembaga dan pakar dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Oleh itu, dengan pemantauan dan penyelidikan yang dibuat oleh pakar-pakar akan membantu dalam pemilihan skim pelaburan yang akan dibuat dan mengurangkan risiko pemilihan pelaburan yang kurang berpotensi dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan risiko pelaburan dengan memilih sektor pelaburan yang mempunyai potensi keuntungan yang tinggi kepada asnaf (Mujaini Tarimin, 2005).

Manakala segala keputusan yang dibuat berkaitan pelaburan tersebut hendaklah diperakukan oleh imam atau naibnya. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan dalam pengurusan pelaburan yang dibuat. Selain itu, ia menjamin keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan yang dibuat sampai kepada yang berhak. Oleh itu, pengurusan pelaburan ini mestilah diserahkan kepada pegawai yang amanah dan bertanggungjawab supaya hak asnaf terjaga dan menjaga integriti institusi zakat itu sendiri daripada kehilangan kepercayaan daripada masyarakat (Mujaini Tarimin, 2005).

Modal tetap pelaburan pula mestilah mudah cair. Pelaburan juga mestilah menjadi hak milik kekal asnaf. Oleh itu, hak milik setiap asnaf tidak boleh dipindah milik kepada orang lain. Bahagian asnaf tidak mudah untuk dipindah milik, dijual atau digadai. Asnaf boleh membatalkan bahagiannya atau mengeluarkan sebahagian daripadanya jika diperlukan (Mujaini Tarimin, 2005).

Berdasarkan syarat-syarat tersebut, penyelidik membuat kesimpulan bahawa PUZ Negeri Pulau Pinang masih belum memenuhi kesemua syarat-syarat berkenaan kerana projek yang dilaksanakan tidak dibuat kajian terlebih dahulu tentang risiko untung dan rugi yang akan diperolehi daripada projek berkenaan. Contohnya, projek PUZ-Mart yang dibuka 24 jam sehari masih belum mendapat keuntungan kerana keuntungan yang diperolehi lebih kecil daripada kos tetap. Oleh itu dengan penyelidikan dan pemantauan pakar-pakar dapat mengenalpasti jenis pelaburan yang baik dan memberikan keuntungan kepada asnaf serta mempunyai risiko yang rendah. Hal ini adalah untuk mengelakkan kerugian

yang berkemungkinan besar akan berlaku sekiranya jenis pelaburan yang dipilih tidak mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan kebaikan atau keuntungan kepada asnaf. Pelaburan yang dibuat oleh PUZ juga tidak memberikan hak milik kekal kepada asnaf malah asnaf hanya menjadi pekerja yang dibayar gaji setiap bulan.

5.3 Saranan dan cadangan

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, penyelidik mencadangkan supaya PUZ mengkaji semula projek-projek yang telah dijalankan untuk memastikan ia berpotensi memberikan manfaat kepada asnaf dengan melantik pakar-pakar yang berkecualan supaya pembaharuan dapat dibuat. Penyelidik juga menyarankan supaya PUZ membentuk satu bahagian atau pusat bagi pengurusan secara profesional kepada projek-projek yang telah dilaksanakan supaya pengurusan projek tersebut berjalan dengan sewajarnya dan memberi keuntungan kepada asnaf. Dengan wujudnya pusat pengurusan yang diuruskan oleh kakitangan profesional seperti pegawai yang pakar dalam keusahawanan, perniagaan dan juga pengurusan dapat membantu projek-projek tersebut berjalan dengan lancar dan pengurusan stok bagi PUZ-Mart juga menjadi lebih cekap. Pegawai yang amanah juga perlu dilantik untuk membuat pemantauan disetiap projek seperti PUZ-Mart supaya tidak wujud pecah amanah dalam kalangan asnaf dalam menguruskan sumber kewangan.

Setakat ini, pihak PUZ hanya memberi gaji kepada asnaf atas perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu penyelidik menyarankan supaya pihak PUZ memberikan gaji serta saham atau sebahagian hak milik daripada projek-projek yang terlibat kepada asnaf. Hal ini akan memberikan motivasi kepada asnaf untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh kerana sekiranya projek tersebut mendapat keuntungan maka secara langsung akan menambahkan pendapatan bulanan mereka.

Selain itu, penyelidik juga mencadangkan supaya gaji asnaf dinaikkan supaya ia setimpal dengan kerja dan juga masa yang diperuntukkan oleh asnaf terhadap projek. PUZ juga perlu mengambil kira kos sara hidup setempat dalam menentukan kadar gaji asnaf kerana kos sara hidup di negeri Pulau Pinang adalah berbeza-beza mengikut kawasan. Penyelidik juga mencadangkan supaya PUZ dapat meylaraskan menguruskan gaji asnaf supaya kejadian gaji tetunggak tidak akan berlaku lagi.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak institusi zakat khususnya Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang perlu memperkasakan lagi peranan mereka sebagai satu institusi yang memegang amanah yang diberi kepercayaan oleh masyarakat untuk menguruskan urusan pengurusan zakat supaya segala kekurangan dapat diperbaiki dan menjauhkan institusi zakat daripada fitnah dan persepsi buruk yang tidak sepatutnya ada pada institusi zakat. Daripada perbincangan dapatan kajian dapatlah disimpulkan di sini bahawa pengagihan zakat yang dilaksanakan belum

memberikan kesan yang positif kepada asnaf. Hal ini berlaku mungkin kerana kaedah pengagihan yang tidak tepat yang dipilih oleh institusi zakat dalam mengagihkan zakat kepada asnaf. Kekurangan kakitangan yang mempunyai kepakaran profesional dan mempunyai tahap spiritual yang tinggi juga menyumbang kepada kurangnya keberkesanan pengagihan zakat yang dilaksanakan. Usaha yang berterusan perlu dibuat dalam menambahbaikkan sistem pengurusan yang ada serta mengambil kira contoh pengurusan zakat daripada Rasulullah s.a.w dan juga para sahabat yang pastinya akan memartabatkan kembali institusi zakat di mata masyarakat dan juga dunia.

Biologiografi

Al-Quran

Al-Hadith

Abd Halim Mohd Noor, Rozman Hj Md Yusof & Ahmad Che Yaakob (2007), "Performance Indicators Model for Zakat Institution", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.2, pp. 71-84.

Abdul Aziz Bin Muhammad (Dr) (1993), *Zakat And Rural Development In Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (2006), *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad (2009), "Pengurusan Zakat dan Wakaf Di Malaysia: Satu Langkah Ke Hadapan", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 3. No.2, pp. 25-46.

'Abdullah (2001), *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Abdul Malik Rahman, (2003). *Ibadah Zakat Dan Segala Masalahnya*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Abg. Mohd Shibli Abg. Mohd Nailie (Haji) (2008). *Menyingkap Hijab Ilmu dan Amalan yang Telah Lama Terpinggir: Rakan Zakat Anda*. Haji Abang Mohd Shibli Bin Haji Abang Mohamad Nailie.

Ab. Rahim Zakaria (2007), "Pengurusan Zakat Kontemporari", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.1, pp. 13-22.

Affizal Ahmad (Dr), *Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera*. Kelantan: Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia.

Ahamad Abdul Aziz Al-Mazini (1989), *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Selangor: Al-Rahmaniah.

Ahmad Shuib (2007), *BBYN4103 Business Research Method*, Faculty of Business and Management, Open University Malaysia.

Aidit Haji Ghazali, (1988). *Zakat Satu Tinjauan*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

Al-Quran, Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. 1995 (cetakan ke-6).
Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Ary, D., Jacobs, L.C, & Razavieh, A. (1990). *Introduction to Research in Education*, 5th ed. N.Y: Harcourt Brace College Publishers.

Asmadi Mohamed Naim (2008), *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Azman Ab. Rahman & Irwan Mohd Subri (2010), *Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2008), “Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islamm Tidak Berpuas Hati”, Kertas Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia.

Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2010), “Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin”, Kertas Seminar Di Bentangkan Di Seminar Kebangsaan MACFEA Ke-14, Julai.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor (2005), *Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009), “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia,” Kertas Kerja di bentangkan di Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2009, APIUM. Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: UPENA.

Ibn Hajar al-Asqalani, (2007). Jilid 8, *Fathul Baari Penjelasan: Kitab Sahih al-Bukhari*, Pustaka Azzam.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Imam al-Qurthubi (Syeikh) (2008). *Tafsir al-Qurthubi*. (Jilid 7). Jakarta: Pustaka Azam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2003). *Keputusan fatwa kebangsaan*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Kamil Uwaidah (Syeikh) (2007), *Himpunan fatwa-fatwa semasa daripada zaman salafus soleh sehingga ke zaman ulama masa kini*, Kuala Lumpur : al-Hidayah.

Laporan Zakat 2006, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

Laporan Zakat 2009, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

Lembaga Zakat Selangor (2011), *LZS (MAIS) Himpun Usahawan Asnaf*. Dicapai pada 15 Mei, 2011 daripada <http://www.e-zakat.com.my/terkini/lzs-mais-himpun-usahawan-asnaf/>.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud al-Khalidi (Dr) (1985), *Zakat al-nuqud al-waraqiyah al-mu'asirah*, Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah

Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999), "Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat Di Malaysia", Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti Di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Dahan Abdul Latif (1998), "Zakat Management and Administration in Malaysia", Kertas Kerja di Bentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohammed Yusoff (2011), "Zakat Expenditure, School Enrollment, and Economic Growth in Malaysia", *International Journal of Business and Social Science*, Vol 2. No. 6, pp. 175-181.

Mohd Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah (2008), "Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan", *Jurnal Syariah*, Vol 16., pp. 567-584.

Mohd Gunawan Che Ab Aziz (2007), "Falsafah Pengurusan Harta: Tinjauan Qurani", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.2, pp. 127-151.

Muhamad Uda Kasim (2005). *Zakat Teori, Kutipan dan Agihan*. KualanLumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Arsyad al-Banjari (Syeikh) (2003), *Kitab Sabilal Muhtadin*, Surabaya: PT Bina Ilmu.

Muhammad Yamin Ismail (Dr) (2007), "Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Persekutuan (MAIWP)", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.2, pp. 45-52.

Mujaini Tarimin (Dr) (2005), *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: UPENA.

Musa Ahmad, Arifin Md. Salleh & Abdullah Hj Said (2007), “Penerokaan Sumber Baru Dalam Zakat Di Malaysia”, *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.1, pp. 73-82.

Nor Ghani Md Nor et. al., (2001), “Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions”, *Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norhazimah Che Hassan (2007), “Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian”, *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.2, pp. 85-101.

Pallant, J (2000), *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. National Library of Australia.

Patmawati Hj Ibrahim (2008), “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal”, *Jurnal Syariah*, Vol 16. No.2, pp. 223-224.

Patmawati Hj Ibrahim (2007). “Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah”, *Kertas Kerja Di Bentangkan Dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan*, PWTC, Kuala Lumpur.

Patmawati Hj Ibrahim (2006). Peranan Ekonomi Zakat Dalam Mengurangkan Ketidakeimbangan Agihan Pendapatan dan Kemiskinan Di Selangor. Ph.D. Disertasi, Universiti Putra Malaysia.

Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ).

Radiah Abdul Kader, (2001). *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.

Rif'at Abd. Al-Latif Masyhur (Dr) (2002), *Zakat Penjana Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad & Hailani Muji Tahir (2009), "Penilaian Komprehensif Keberkesanan Agihan Zakat Mengikut Perspektif Maqasid Al-Syariah", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 3. No.2, pp. 47-69.

Roscoe, J.T. (1975), *Fundamental Research Statistics for the Behavioural Sciences*, 2nd Edition. New York: Holt Rinehart & Winston.

Sekaran, U. (2003). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley & Sons.

Shawal Kaslam & Hasan Bahrom (Prof. Madya Dr) (2007), "Amalan 'Corporate Governance' Dalam Pengurusan Institusi Zakat Di Malaysia", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 1. No.2, pp. 53-70.

Suraiya Ishak (Dr), Ahmad Rafli Che Omar & Amal Hayati Ishak (2009), "Pembangunan Kapasiti Ekonomi Golongan Asnaf Miskin: Kes Lembaga Zakat Selangor", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol 3. No.2, pp. 165-183.

Terjemahan Hadith Shahih Bukhary, (1989), jilid iv,v,vi, Kuala Lumpur: Victory Agencie.

T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, (1989). *Pedoman Zakat*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Wahairi Mahmud, (1991). *Zakat Peranannya Dalam Penyuburan Harta*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.

Wahbah Al-Zuhayly (Dr) (1995), *Zakat: Kajian Berbagai Mazhab*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.

Yusuf al-Qardhawi (Dr) (1994), *Fatwa-fatwa Mutakhir*, Bandung: Pustaka Hidayah.

Yusuf al-Qardhawi (Dr) (2007), *Hukum Zakat*, Indonesia: Litera Antarnusa.

_____ (14 Jun, 2010), Kronologi Sejarah Penubuhan. Dicapai pada 20 April, 2011 daripada <http://www.zakatpenang.com>.

_____ (20011), Pentingnya Pendidikan Menurut Pandangan Islam. Dicapai pada 24 April, 2011 daripada <http://www.scribd.com/doc/21944485/Pentingnya-Pendidikan-Menurut-Pandangan-Islam>.

LAMPIRAN



COLLEGE OF BUSINESS

QUESTIONNAIRE

**THE EFFECTIVENESS OF ZAKAH DISTRIBUTION ON
ASNAF: A STUDY OF ENTREPRENEUR GROUP
ASNAF ZAKAH IN PULAU PINANG**

Dear participants,

This questionnaire is designed to study on The Effectiveness of Zakah Distribution on Asnaf : A Study of Entrepreneur Group Asnaf Zakah in Pulau Pinang. Your participation is highly appreciated.

This study is done as a partial fulfillment for my Master of Science Management (Msc Mgt.) the information you provide for the purpose of this study will be kept **STRICTLY CONFIDENTIAL** and for the academic purpose only.

Your input is highly valued. Thank you very much for your time and cooperation.

Yours sincerely,

Mardiatul Akmaliah Binti Mohd Asri
Master of Science Management

PART A : RESPONDENT BACKGROUND

Instruction : Please circle only one in the space provided and answer all question.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERIBADI

Arahan : Sila bulatkan pada satu tempat sahaja yang disediakan dan jawab semua soalan

1.	Gender <i>Jantina</i>	1	Male / <i>Lelaki</i>
		2	Female / <i>Perempuan</i>
2.	Age <i>Umur</i>	1	24 years and below
		2	25-34 years
		3	35-44 years
		4	45 years and above
3.	Marital Status <i>Taraf Perkahwinan</i>	1	Married / <i>Berkahwin</i>
		2	Divorced / <i>Bercerai</i>
		3	Widow / <i>Balu</i>
		4	Widower/ <i>Duda</i>
		5	Single / <i>Bujang</i>
4.	Number of household member <i>Bilangan isi rumah</i>	1	2
		2	3
		3	4
		4	5 and above
5.	Monthly income <i>Pendapatan bulanan</i>	1	No fixed income
		2	RM 100 – RM 250

		3	RM 251 – RM 350
		4	RM 350 and above

PART B : THE EFFECTIVENESS OF ZAKAH DISTRIBUTION ON ASNAF

Instruction : Please circle only one in the space provided and answer all question.

BAHAGIAN B : KEBERKESANAN PENGAGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF

Arahan : Sila bulatkan pada satu tempat sahaja yang disediakan dan jawab semua soalan.

Strongly Disagree <i>Sangat Tidak Setuju</i>	Disagree <i>Tidak Bersetuju</i>	Neutral <i>Neutral</i>	Agree <i>Setuju</i>	Strongly Agree <i>Sangat Bersetuju</i>
1	2	3	4	5

Economic/Ekonomi

1	Zakah assistance can reduce my family poverty level. (Bantuan zakat mampu mengurangkan tahap kemiskinan keluarga saya.)	1	2	3	4	5
2	Zakah assistance that were received capable of increasing my monthly income. (Bantuan zakat yang telah diterima mampu meningkatkan pendapatan bulanan saya.)	1	2	3	4	5
3	Improvement in income that apparent after receiving zakah assistance. (Peningkatan pendapatan yang ketara setelah menerima bantuan zakat.)	1	2	3	4	5

4	Zakah assistance have made I as a successful businessman. (Bantuan zakat telah menjadikan saya sebagai seorang usahawan yang berjaya.)	1	2	3	4	5
5	Zakah assistance that has been given can fill my basic need family. (Bantuan zakat yang telah diberikan dapat memenuhi keperluan asas saya sekeluarga.)	1	2	3	4	5

Quality of Life/Kualiti Hidup

1	Zakat assistance already contribute much in improving family education / my childrens. (Bantuan zakat telah banyak menyumbang dalam meningkatkan pendidikan keluarga/anak-anak saya.)	1	2	3	4	5
2	Zakat contribution increased self potential in improving business potential that is being / performed (Sumbangan zakat telah meningkatkan potensi diri dalam meningkatkan potensi perniagaan yang sedang/telah laksanakan.)	1	2	3	4	5
3	Zakat assistance increased my ability in manage zakah fund that has been given. (Bantuan zakat telah meningkatkan kebolehan saya dalam menguruskan dana zakat yang telah diberikan.)	1	2	3	4	5

Spirituality/Kerohanian

1	Through zakah contribution indirectly / direct have supplemented my faith. (Melalui sumbangan zakat secara tidak langsung/langsung telah menambahkan iman saya.)	1	2	3	4	5
2	Through zakah contribution has alienated I from matter that sinful in effort find income for the family / my self. (Melalui sumbangan zakat telah menjauhkan saya daripada perkara yang mungkar dalam usaha mencari rezeki untuk keluarga/ diri sendiri.)	1	2	3	4	5
3	Through zakah contribution, give me comfort and facility in pass through religious worship practice. (Melalui sumbangan zakat, memberikan saya keselesaan dan kemudahan dalam melakukan amal ibadah.)	1	2	3	4	5

Cadangan dan ulasan:
